سوات كاجين
مڠنائي بنتوق عالم
منورة اسلام
دان هوبوڠنث دڠن
كبودايائن كيت

عبدالله بن محمد (ناكولا)

Bentuk Alam Yang Mengagumkan

Pengarang: Abdullah Bin Muhammad (Nakula)

Penerbit: Pustaka Aman Press tahun 1975

Terjemahan Oleh: Al-Muallij Mustaqim ibnu Mohd Najib Al-Husaini

Kredit : Hasan Jamsari

Tujuan kajian buku yang berada di hadapan anda ini adalah suatu kajian yang bertujuan untuk menggambarkan seberapa yang terdapat mengenai bentuk alam seperti yang terdapat dalam kebudayaan Islam.
Garisan-garisan Kasar Kandungan. Sebelum dari melangkah ke dalam kandungan buku ini, baik juga diterangkan garisan-garisan kasarnya supaya tergambarlah dulu dalam fikiran suatu bingkisan dari apa yang akan dibincangkan dengan agak lebar nanti. Buku ini dipecahkan kepada dua bahagian:

Bahagian 1: Dengan tajuk "Betulkah atau salah alam yang anda faham?", merupakan suatu latar belakang huraian buku ini, di dalamnya digariskan dengan singkat sejarah konsep umat Islam mengenai alam dan sejauh mana hubungan konsep ini dengan ajaran Islam, tujuan bahagian ini untuk menarik perhatian para pembaca supaya meninjau kembali pengertian mereka mengenai alam sekarang. Benar atau salah, dan kalau salah, dari manakah mulanya dating kesalahan ini dan apakah faktor-faktornya. Bahagian ini dipisahkan menjadi tiga fasal dengan tajuk-tajuk sebagai berikut:

Fasal 1: Sikap alami dalam zaman permulaan. Menggambarkan konsep asal umat Islam mengenai alam dan zaman permulaan dan cara mendapatkannya.

Fasal 2: Pengaruh sistem Ptolemy dalam zaman pertengahan. Di sini dibicarakan tentang permulaan rosaknya konsep asal umat Islam itu kerana masuknya pengaruh-pengaruh asing terutama pengaruh ajaran Ptolemy itu yang berkekalan dalam zaman yang paling lama hingga akhir abad 19 dan sisa-sisanya masih berlanjutan hingga sekarang. Dalam zaman ini, yang merupakan zaman pertengahan, ternyata betapa tersisihnya orang-orang yang berpegang pada konsep asal dari masyarakat umum dan mahu tidak mahu, kerana takut terjadi fitnah, lalu mereka menuruti arus pendapat masyarakat.

Fasal 3: Pengaruh astronomi dan kosmologi moden dalam zaman moden. Menggambarkan kerosakan konsep umat Islam mengenai alam dalam zaman pertengahan itu bukan dibetulkan semula oleh penemuan-penemuan dan teori-teori moden berkaitan dengan alam. Malah dirosakkan pula dengan cara yang tiada disedari dalam bentuk yang lain.

Bahagian 2: Dengan tajuk Bagaimana Sebenarnya Bentuk Alam Anda?, bahagian ini merupakan apa yang hendak diterangkan dengan sebenarnya dalam buku ini. Penerangan mengenai ini memakan ruangan yang agak lanjut, sebab itu terpaksa disingkatkan menjadi tujuh fasal dengan tajuk-tajuk sebagai berikut:

Fasal 1: Alam Muluk. Di dalamnya diterangkan batas alam yang dapat dicapai oleh ahli-ahli sains dan bertolak dari sini kita menerangkan tentang alam-alam yang tiada dapat dicapai lagi

oleh alat-alat sains. Hanya boleh didapati menerusi sumber-sumber agama. Tetapi dibicarakan setakat alam muluk sahaja.

Fasal 2: Alam Barzakh.
i. Buminya. Huraian mengenai alam tersebut diteruskan dengan membicarakan pula mengenai suatu kuasa alam yang lebih tinggi dan lebih luas daripada alam muluk. Kawasan ini dinamakan alam barzakh. Di sini dibincangkan mengenai tujuh lapis langit dan tujuh lapis bumi, yang semuanya merupakan suatu bulatan yang dinamakan pula dengan al-ardh, ertinya bumi.

Fasal 3: Alam Barzakh.
ii. Langitnya. Kalau alam barzakh ada bahagian buminya, seperti yang diterangkan di atas, tentulah ia mempunyai pula bahagian as-samawat atau langit-langitnya. Suatu kawasan yang lebih tinggi dari bumi itu. Mengenai ini dibincangkan dengan agak lanjut di dalam fasal ini. Batasan alam ini berakhir dengan suatu lingkaran alam yang dinamakan "Jannatul Firdaus Al-'Ala "

Fasal 4: Alam Malakut Al-'Ala:
i. Dari Arasy Al-Majid hingga Arasy Al-Karim membincangkan tentang alam yang lebih tinggi dan lebih luas daripada alam barzakh dan dinamakan Alam Malakut Al-'Ala, suatu alam yang seluruhnya merupakan syurga-syurga dan batasnya berakhir dengan bulatan Arasy Al-Karim.

Fasal 5: Alam Malakut Al-'Ala:
ii. Dari Arasy Al-Karim hingga Arasy Al-Azim, membicarakan tentang Alam Malakut Al-'Ala yang lebih tinggi dan lebih luas, juga alam ini seluruhnya merupakan syurga-syurga dan batasnya berakhir dengan Arasy Al-Azim, batas alam yang berakhir dan paling besar di dalamnya terkandung segala alam, hingga tamatlah pembicaraan mengenai alam yang ada dimensi-dimensi panjang, lebar dan dalam.

Fasal 6: Kanzul Mukhfi. Mengemukakan pembicaraan singkat mengenai alam ketuhanan yang membincangkan tentang Allah sebagai sumber bagi alam seluruhnya.

Fasal 7: penutup. Menerangkan kesimpulan dari seluruh keterangan di atas.

Metode-metode mendapatkan fakta-fakta. Ketika membaca buku ini, akan ditemui banyak fakta baru berhubung dengan alam yang mungkin anda tiada pernah menemuinya. Sebahagian dari fakta itu disebut rujukannya manakala sebahagian lagi dihuraikan begitu sahaja tanpa menyebut rujukannya, seolah-olah penulis tiada mempunyai amanah dalam pemaparan fakta-fakta yang memerlukan saksi-saksi. Ditakuti hal ini menimbulkan tanda-tanya dan prasangka dari para pembaca, terpaksalah penulis menerangkan cara-cara mendapatkan fakta-fakta itu. Ada dua cara penting yang dapat dituliskan di sini:

1. Ada di antara penulis-penulis Islam sekarang, bila hendak menggambarkan pentingnya memahami alam atas dan alam bawah untuk meyakini betapa besarnya kekuasaan tuhan,, mereka mengemukakan suatu ayat yang dipetiknya demikian:

وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا مَا خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ

Mereka membuang bahagian kepala ayat ini yang berbunyi:

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ

Tetapi metode penulis untuk memahami alam atas dan alam bawah itu adalah dengan mengutamakan bahagian kepala ayat yang dilupakan itu kemudian barulah penulis memakai sambungan:

وَيَتَفَكَّرُونَ

Jadi, ayat itu sepenuhnya berbunyi demikian (Surah Ali Imran: 191):

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا مَا

خَلَقۡتَ هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ١٩١

Ertinya: 191. (Iaitu) orang-orang Yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini Dengan sia-sia, Maha suci engkau, maka peliharalah Kami dari azab neraka.

2. Mengumpulkan fakta-fakta yang bersumber dari alam atas iaitu Al-Quran, hadis-hadis, juga kata-kata ulama salaf yang hanya tinggal sebagai yang tersembunyi di sana, sampai dalam kitab-kitab kuno dan seterusnya kata-kata ahli arifin pada zaman-zaman kemudian yang masih abadi dalam kitab-kitab mereka dan lain-lainnya. Kemudian fakta yang telah disimpulkan ini disesuaikan antara satu sama lain seperti dalam permainan *jigsaw puzzle* dengan pedoman yang telah didapati dari metode yang pertama di atas. Juga mana-mana fakta yang sukar ditemui atau telah hilang sambungannya, disimen semula dengan apa yang didapati dari metode yang pertama itu hingga ia bertemu dan bersambung kembali. Dengan ini lahirlah suatu bentuk alam.

Bahagian 1

Betulkah Atau Salah Alam Yang Anda Faham?

Fasal 1
Sikap Alami Dalam Zaman Permulaan

Ada tiga peringkat zaman yang memberikan tiga corak pendapat yang penting dalam kalangan umat Islam berhubung dengan bentuk alam yang disebut di dalam kitab suci Al-Quran. Ketiga-tiga pendapat ini perlu ditinjau sebelum anda melangkah untuk memahami alam menurut bentuk yang akan dikemukakan dalam buku ini.

Tiga corak pendapat yang penting itu adalah sebagai berikut:

1. Pendapat yang dipengaruhi oleh sikap alami terhadap alam, dalam zaman permulaan.
2. Pendapat yang dipengaruhi oleh sistem Ptolemy dalam zaman pertengahan.
3. Pendapat yang dipengaruhi oleh astronomi dan kosmologi moden dalam zaman moden.

Ketiga-tiga pendapat dalam tiga zaman ini akan dibincangkan secara berasingan dalam bahagian ini sebagai permulaan kita bincangkan mengenai sikap alami terhadap alam dalam zaman permulaan itu.

Dua sikap pandangan manusia terhadap alam, satunya sikap alami dan satu lagi sikap tabii. Sikap tabii adalah suatu sikap pandangan terhadap alam secara pandangan biasa, tanpa melihat apa yang ada di sebaliknya. Menyifatkan bumi tempat tinggal kita ini sebagai terhampar adalah suatu sikap tabii, manakala menyifatkannya sebagai bulat adalah hasil dari melihat apa yang ada di sebaliknya dan ini dinamakan sikap alami.

1. Sikap tabii dalam Al-Quran dan hadis.

Dalam Al-Quran dan hadis memang terdapat sikap tabii ini dalam pandangan terhadap alam. Bumi terhampar, matahari berjalan naik dari timur turun ke barat, air hujan turun dari langit, planet-planet dan bintang-bintang menjadi hiasan yang bergemerlapan di langit, langit tujuh lapis bersama Arasy di atas sebagai yang terlungkup di atas kepala kita, manakala bumi tujuh lapis terhampar di bawah tapak kaki kita, adalah di antara contoh-contoh yang biasa ditemui dalam Al-Quran dan hadis.

Tujuan kedua-duanya memberikan penerangan dengan cara demikian, nampaknya kerana dengan faktor-faktor penting.

Yang pertama: Menyesuaikan keterangan dengan tingkatan akal manusia umumnya supaya mudah diterima dan,

Yang kedua: Menyesuaikan keterangan dengan lapangan kehidupan harian manusia, baik orang-orang jahil atau orang-orang terpelajar, baik pada zaman purba atau pada zaman moden. Umpama seorang hendak menyatakan waktu dalam hubungannya dengan matahari, ia kana berkata:

"*Saya keluar dari rumah waktu matahari naik dan pulang waktu matahari jatuh.*"

Tidak ada siapa pun dalam dunia ini yang berkata demikian:

"Saya keluar dari rumah waktu pusingan bumi berada pada darjah yang hampir dengan nampaknya seluruh bulatan matahari dan saya pulang ketika pusingan bumi berada pada darjah yang hampir dengan lenyapnya seluruh bulatan matahari."

Kalau anda bercakap demikian, si pendengar akan pening kepala, anda akan ditertawakan orang, malah oleh ahli astronomi sendiri. Mengapakah demikian? Ini membuktikan betapa kuatnya pengaruh sikap tabii dalam pemikiran manusia dalam kehidupan harian. Tanpa mengira zaman dan tempat. Inilah peluang yang dipergunakan oleh tuhan yang maha mengetahui dan rasulnya untuk menanamkan agama dalam diri manusia, kerana yang dipentingkan dalam agama ialah iman, bukan alam. Yang pertama adalah tujuan, sedangkan yang kedua Cuma alat untuk sampai kepada tujuan itu.

2. Mencapai sikap alami menerusi Al-Quran. Tidak syak lagi bahawa rasulullah sallallahu alaihi wassalam mempunyai sikap alami terhadap alam yang jauh lebih tinggi dan lebih lengkap dari manusia yang lain seluruhnya sejak dari nabi Adam alaihi salam sampai kepada hari kiamat, mikrajnya ke alam atas sampai kepada tempat yang tertinggi adalah meyakinkan lagi apa yang telah diketahui selama ini. Meskipun demikian, bukanlah bererti sekalian orang mukmin dalam zaman permulaan itu, selain dari rasulullah sallallahu alaihi wassalam mempunyai sikap tabii dalam pandangan terhadap alam. Berdasarkan sisa-sisa dari kata-kata ulama salaf berupa fragmen-fragmen yang bertaburan di sana-sini, yang beberapa daripadanya dipetik dalam buku ini sebagai saksi-saksi untuk memperkuatkan keterangan kita, membuktikan bahawa mereka mempunyai sikap alami dalam pandangan terhadap alam. Timbulnya sikap ini, nampaknya bukan sahaja kerana mereka memahami ayat-ayat Al-Quran dengan fikiran atau mendengar dan memusakai hadis-hadis dari rasulullah sallallahu alaihi wassalam atau kerana mendengar dan mempelajari kitab-kitab kuno dari agama-agama sebelum mereka. Malah juga kerana pengalaman-pengalaman mereka sendiri dan ini tidak syak lagi mereka dapati menerusi ibadat iaitu amalan-amalan dari ayat-ayat Al-Quran atau zikir-zikir menurut fatwa-fatwa yang diberikan oleh rasulullah sallallahu alaihi wassalam dan sahabat-sahabat besarnya.

Di antara yang patut dicatat nama-nama mereka di sini ialah Abdullah bin Abbas, sepupu rasulullah sallallahu alaihi wassalam yang terkenal dengan Ibnu Abbas, Abdullah bin Masud, Jabar bin Abdullah Al-Ansari, Salman Al-Farisi, Abu Hurairah, Abu Zar Al-Ghafari, Abdullah bin Salam, Ka'ab Al-Ahbar, Mujahid bin Jabir, Thawas bin Kusan Al-Yamani dan Wahab nin Manbah.

Biasanya penulis-penulis sejarah kebudayaan Islam menghubungkan ilmu mereka yang mendalam dari sebab hubungan lahir mereka dengan rasulullah sallallahu alaihi wassalam dan sahabat-sahabatnya, lebih-lebih lagi Abdullah bin Abbas sebagai ahlul bait yang tentu mempunyai kesempatan yang lebih dari orang lain dalam mendapat maklumat-maklumat. Juga

tokoh-tokoh yang pernah memindahkan Israeliyat[1] ke dalam kebudayaan Islam seperti Abdullah bin Salam, Kaab bin Al-Ahbar dan Wahab nin Manbah, biasanya mereka dihubungkan dengan pengajian mereka dalam kitab-kitab Taurat dan lain-lainnya kitab purba dari agama-agama Yahudi dan Kristian.

Sesiapa yang pernah mengalami manfaat ibadah, tentu tidak akan merasa puas hati dengan analisa yang bersifat kebendaan semata-mata seperti itu, dalam beberapa tulisannya, kehidupan kerohanian tokoh-tokoh itu biasanya di sebut secara sambil lalu sahaja seolah-olah tidak ada apa-apa hubungan dengan alam mereka. Sedangkan ilham suatu cara mendapatkan ilmu menerusi rohani adalah suatu sumber ilmu yang penting dalam agama. Contoh-contoh kehidupan rohani tokoh-tokoh itu yang dapat dihubungkan dengan pembukaan-pembukaan alam dapat dicari dalam sisa fakta-fakta riwayat hidup mereka. Di sini dikemukakan beberapa contoh kehidupan rohani demikian dalam kalangan beberapa orang tokoh yang dikatakan banyak memperkenalkan Israeliyat ke dalam kebudayaan Islam, umpamanya Abdullah bin Abbas dalam hubungan ilmunya dengan pentafsiran Al-Quran disifatkan oleh murid-muridnya Mujahid bin Jabar demikian:

اءنه اذا فسرالشيء رايت عليه النور

Ertinya: "Bahawasanya bila ia mentafsirkan sesuatu, aku melihat nur di atasnya".

Lebih tepat ialah sebagaimana yang pernah diucapkan oleh sayidina Ali bin Abu Talib:

كانما ينظر الي الغيب من سر رقيق

Ertinya: Seolah-olah ia melihat kepada (alam) ghaib menerusi tabir yang tipis.

Dengan ini bererti sayidina Ali menganggap kebolehan sepupunya ini bukanlah dari kebolehan yang didapati menerusi alam biasa, iaitu menerusi banyak pengajian, pembacaan, hafaz dan keunggulan akal. Juga dua tokoh Israeliyat wang daripada mereka Ibnu Abbas pernah mengambil fakta-fakta Israeliyat, seorang daripada mereka Abdullah bin salam, adalah salah seorang dari orang-orang yang diakui oleh rasulullah sallallahu alaihi wassalam sebagai ahli syurga dan seorang lagi Ka'ab Al-Ahbar seorang tokoh yang pernah dinyatakan oleh Abdullah nin Zabir sebagai berikut:

ما أصبت في سلطاني شيئا الا قد أخيرني به كعب قبل أن يقع

[1] Ertinya dongeng Israel seperti yang tersebut dalam kitab Taurat dan lain-lain kitab kuno agama Yahudi, juga termasuk apa yang tersebut dalam kitab Injil dan lain-lain kitab kuno kristian. Berhubung dengan ini, rasulullah sallallahu alaihi wassalam pernah bersabda: حدثوا عن بني اسرائيل ولاحرج ertinya "Perkataan (sesuatu yang bersumber) dari bani Israel tidak dilarang", pada tempat lain baginda bersabda pula, لاتصدقوا أهل الكتاب ولاتكذبوهم ertinya "kamu jangan mempercayai ahlul kitab dan jangan pula membohongi mereka".

Ertinya: “tidak mengenaiku sesuatu pun dalam pemerintahanku, melainkan lebih dulu diberitahu kepadaku oleh Ka’ab sebelum terjadinya”.

Seterusnya salah seorang dari At-Tabiun, Wahab bin Manbah (654-732 H) berasal dari keturunan Parsi yang dianggap sebagai salah seorang dari tokoh-tokoh Israeliyat mempunyai aspek kehidupan rohani yang mengagumkan sebagaimana yang digambarkan oleh Mutsni bin Al-Sabah:

Ertinya: “Bahawa Wahab hidup selama 20 tahun tidak pernah berwuduk di antara Isyak dan Subuh”. Tidak perlu ulasan lagi[2]

Kuatnya ibadah orang-orang pada zaman itu yang menyebabkan tingginya darjat makrifat mereka dengan Allah yang menjadi kunci untuk terbukanya ilmu-ilmu, adalah faktor terpenting yang mendorong rasulullah sallallahu alaihi wassalam mengakui mereka sebagai ‘umat yang paling baik’ sebagaimana yang digambarkannya dalam beberapa hadis yang di antaranya berbunyi demikian:

Ertinya: :Sebaik-baik manusia ialah sahabatku yang mana aku berada dalam kalangan mereka, kemudian barulah mereka yang selepasnya, kemudian mereka yang selepasnya pula dan yang lain-lain adalah orang yang buruk”[3].

Tiga peringkat manusia yang baik ini, yang pertama ialah sahabat, kemudian tabiun dan kemudian At-Taba’ Tabiin. Menurut hujah Al-Islam Al-Imam Al-Ghazali bahawa ulama peringkat sahabat dan tabiun itu disamakan ulama salaf[4] atau ulama salafussoleh ertinya ulama purba yang soleh. Manakala zaman mereka menurut Al-Manawi ialah mulai dari zaman kebangkitan rasulullah sallallahu alaihi wassalam dalam tahun 610 H hingga selanjutnya 220 tahun kemudian[5]. Inilah tempoh yang kita maksudkan dengan zaman permulaan dalam soal yang berhubung dengan sikap dan pandangan umat Islam terhadap alam.

Berdasarkan bahan-bahan yang telah dikemukakan di atas, tidaklah ganjil kalau fragmen dari kata-kata mereka yang dapat ditemui di sana sini membuktikan bahawa mereka mempunyai

---

[2] Anggapan buruk yang digambarkan oleh penulis-penulis lama terhadap tokoh-tokoh yang tersebut di atas telah diberihkan oleh salah seorang dari penulis-penulis moden. Lihat keterangan Muhammad Hasan Al-Zahabi dalam titisnya, Al-Tafsir Al-Mufsirun (ms 63-201).

[3] Hadis dari Daidul Qadir oleh Al-Alamah Al-Manawi (ms 479)

[4] Al-Imam Al-Ghazali dalam risalahnya ‘AlJamul Awam an Ilmul Kalam’ yang disiarkan dalam suatu himpunan risalahnya bertajuk ‘Al-Qasurul Awali’ (ms 240)
Berhubung dengan generasi manusia yang tergolong dalam kata-kata Salaf itu tidak begitu selaras pendapat dalamkalangan ulama, umpamanya Al-Syeikh Ibrahim Al-Baijuri membuat batasan bahawa yang dikatakan salaf itu ialah orang purba yang terdiri dari anbiya, sahabat, tabiun dan tabi’in (lihat kitabnya ‘Tuhfat Al-Marid ali Jawaharatul Tauhid’ (ms 125)

[5] Al-Alamah Al-Manawi dalam sumber yang sama (ms 478)

sikap alami terhadap alam. Hanya apa yang mereka katakan ini sebahagiannya tiada dapat dipastikan yang manakah dari apa yang mereka dapati sendiri dari sebelah hijab dan yang manakah dari pusaka Israeliyat. Untuk mencari kepastian ini, terserahlah kepada pengkaji-pengkaji mencari rujukan-rujukan bagi keterangan-keterangan mereka dalam buku-buku kuno agama Yahudi dan Kristian.

Andainya terdapat keterangan-keterangan mereka yang sama atau serupa dengan apa yang tersebut dalam buku-buku kuno itu, masih belum pasti mereka memetiknya, kerana kalau apa yang telah menjadi Israeliyat itu adalah hasil dari kasyaf rasul-rasul, nabi-nabi dan orang-orang soleh purba dari bani Israel dan masih belum diubah oleh tangan-tangan orang-orang yang kemudian, tidaklah menjadi hal kalai didapati sama atau serupa dengan apa yang dikatakan oleh ulama salafussoleh tersebut, kerana mereka ini pun menerangkan apa yang dilihat menerusi kasyaf juga, objek adalah sama. Yang berbeza hanya zaman-zaman bagi kasyaf itu sahaja, persis Kaabah di Mekah yang dilihat oleh para jemaah haji dalam abad yang ke 10 tidaklah berbeza dari apa yang dilihat oleh para jemaah haji dalam abad yang ke 20.

Dalam pada itu pun sebahagian lagi dari keterangan mereka menyebut sumber-sumber pengambilan dari kitab-kitab kuno agama Yahudi dan Kristian itu dapatlah dipastikan bahawa mereka mengambilnya dari Israeliyat.

Kerana ulama salafussoleh telah mempunyai konsep tertentu mengenai alam hasil dari pengalaman sendiri, menyebabkan mereka lebih produktif dari orang lain dalam menyampaikan hadis-hadisnya yang dipandang ganjil mengenai asal kejadian alam, sistemnya dan lain-lainnya, kerana semuanya ini tidaklah ganjil bagi mereka. Tetapi saingan hadis-hadis yang mereka sampaikan ini kebanyakannya menjadi korban dalam jentera kaedah-kaedah mustholah hadis yang baru dibuat.

Juga keterangan-keterangan mereka mengenai alam tersebut, oleh sebab terlalu jauh untuk dicapai oleh akal dan kadang-kadang mengandungi kata-kata perlambangan yang sukar di analisa, menyebabkan biasanya dimasukkan orang ke dalam bakul ‘khurafat’ ertinya dongeng-dongeng atau lebih enak disebut syazuz ertinya keganjilan serupa dengan nasib *Columbus* dalam abad yang ke 15 yang menerangkan kepada orang-orang Sepanyol tentang adanya dunia lain di seberang lautan Atlantik yang oleh sebab ini ia dianggap sebagai orang yang tidak waras.

Ternyatalah sekarang bahawa Al-Quran itu mempunyai dua cara penting untuk memahaminya:
Yang pertama - Memahami dengan akal terhadap ayat-ayat berupa hitam di atas putih dan
Yang kedua - Memahami dengan mengamalkan ayat-ayatnya sebagai suatu ibadat hingga terbuka hajat yang dinamakan ‘kasyaf’ dan sampailah seseorang itu kepada telaga ilmu yang asal, lalu fahamlah apa yang ada di sebalik hitam di atas putih itu.

Berdasarkan bukti-bukti tadi, dapatlah dikatakan bahawa dalam zaman permulaan atau zaman ulama salafussoleh, sikap alami dalam pandangan terhadap alam adalah suatu yang lumrah diketahui umum. Bagi orang-orang bukan ahli kasyaf pula, menjadi suatu kepercayaan tanpa bantahan lagi kerana lumrahnya itu.

Fasal 2
Pengaruh Sistem Ptolemy Dalam Zaman Pertengahan.

Bila pembukaan-pembukaan hijab dalam zaman permulaan tadi makin berkurangan dengan meningkatnya graf keduniaan dalam masyarakat yang bertambah besar dan makin bertambah keperluan-keperluan kebendaan, maka sikap alami itu makin berkurangan, hanya tinggal dalam riwayat-riwayat tradisi, manakala sikap tabii dalam pandangan terhadap alam yang menjadi sikap biasa dalam kalangan orang ramai berkembang semula. Akal mengambil tempat yang telah dimainkan peranannya oleh kulub. Perubahan besar ini dapat dilihat dari hasrat ahli-ahli terpelajar Arab memperluaskan pandangan mereka terhadap alam menerusi astronomi dan kosmologi dari kebudayaan asing yang masih bersikap tabii setelah hampir tamatnya zaman permulaan yang gemilang dia atas. Dalam tahun 773 Masihi, sebuah kitab astronomi Siddhanta dari India telah diterjemahkan ke bahasa Arab dan disebutnya Sind Hind kemudian dalam zaman khalifah Al-Makmun (813-833 Masihi) diterjemahkan pula sebuah kitab besar yang digelar Almagest[6]. Dari bahasa Greek tertua. Suatu karya Ptolemy[7] yang paling penting dan nantinya mempunyai pengaruh yang besar dalam pemikiran umat Islam mengenai astronomi dan kosmologi. Teori mengenai alam dinamakan Sistem Ptolemy.

1. Sistem berpusatkan bumi.

Sistem Ptolemy yang sebahagian kecilnya telah mempunyai sikap alami, tetapi sebahagian terbesarnya masih dipengaruhi oleh sikap tabii adalah demikian:

Bumi Adalah Bulat Tetapi Tetap

Semua benda di alam atas, bulan, matahari, planet-planet dan bintang-bintang beredar mengelilinginya. Bulan beredar pada falak yang pertama, Utarid (Mercury) beredar pada falak kedua, Zuhrah (Venus) beredar pada falak yang ketiga, matahari beredar pada falak yang keempat, Marikh (Mars) beredar pada falak yang kelima, Musytari (Jupiter) beredar pada falak

---

[6] Dalam Almagest yang merupakan salah sebuah buku baharian klasik, Ptolemy menyusun pengetahuan astronomi di dunia Greek kuno dan Babylon; beliau bergantung sebahagian besarnya kepada hasil karya Hipparchus yang tertulis tiga abad lebih dahulu. Sebagaimana dengan kebanyakan sains Greek yang klasik, karya itu dipeliharakan dalam manuskrip bahasa Arab (oleh sebab itu, namanya kelihatan biasa) dan hanya diterjemahkan dalam bahasa Latin oleh Gerard dari Cremona pada abad ke-12. Ptolemy merumuskan model geosentrik yang diterima secara meluas sehingga digantikan oleh sistem suria heliosentrik oleh Copernicus. Begitu juga, kaedah-kaedah pengiraan (ditambahkan dengan Jadual-jadual Toledo pengiraan Arab) adalah cukup tepat untuk memenuhi keperluan ahli astronomi, ahli astrologi dan ahli pelayaran pada masa itu sehingga zaman penjelajahan yang pesat. Ia juga diamalkan oleh dunia Arab dan India. Almagest juga mengandungi katalog bintang yang mungkin merupakan versi katalog Hipparchus yang dikemaskinikan. Senarai empat puluh lapan buruj itu merupakan nenek moyang kepada sistem buruj moden, tetapi berbeza dengan sistem moden, mereka tidak meliputi kesemua langit (hanya langit yang dapat dilihat oleh Ptolemy)

[7] Nama sebenar Claudius Ptolemaeus (kira-kira 90-170 Masihi), orang Arab menyebutnya bathlimus, seorang keturunan Greek yang hidup di iskandariah, Mesir. Seorang ahli astronomi, geografi dan astrologi. Ia menyarikan semua astronomi purba dari Greek dan Mesir dalam kitabnya AlMagest itu. Suatu naskhah kitab ini yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab dalam tahun 827 Masihi tersimpan hingga sekarang dalam perpustakaan Universiti Leiden.

keenam dan Zuhal (Saturn) beredar pada falak ketujuh. Di atas daripada semua planet ini terletak bintang-bintang tetap yang juga beredar tetapi secara amat lembut, di sekitar bumi pada falak yang kelapan. Oleh sebab semuanya beredar di sekitar bumi, maka bumi ini merupakan pusat alam. Sebab itu Sistem Ptolemy ini digelar juga *Geocentric System*, ertinya Sistem Berpusatkan Bumi.

Rajah 1: Bentuk Alam Menurut Ptolemy

2. Pengislaman Sistem Ptolemy.

Ahli-ahli astronomi Islam menambahkan lagi suatu falak terletak di luar daripada falak yang kelapan tersebut, dinamakan Al-Falakul Mahith ertinya Falak yang meliputi, sebagai falak yang kesembilan. Kemudian suatu kumpulan kaum terpelajar yang digelari Ikhwanul Safa dari Kota

Basrah, dalam karya mereka yang terkenal, 'Risaal', yang dikeluarkan kira-kira dalam tahun 970 Masihi. Menyamakan falak yang kelapan atau falak bintang-bintang tetap itu dengan Kursi dan falak yang kesembilan dengan Arasy, untuk disesuaikan dengan kosmologi wang tersebut dalam Al-Quran[8]. Di samping ini terdapat dua pendapat yang penting dalam kalangan ulama Islam mengenai hubungan Falak dengan Sama' (Langit), satunya berpendapat bahawa falak itulah langit. Abu Raihan Al-Biruni (973-1050) ahli astronomi yang terkenal, mundur semula dari bentuk alam yang telah di Islamkan itu, ia memakai bentuk setakat falak yang kelapan, serupa dengan Ptolemy.

3. Campur Tangan Ahli Al-Haq.

Tidaklah perlu rasanya diterangkan dengan lanjut mengenai sejarah perkembangan fikiran dalam dunia Islam berhubung dengan alam itu. Apa yang hendak diterangkan di sini ialah sedikit mengenai campur tangan ahli al-haq dalam Sistem Ptolemy yang sedang popular itu, untuk memperkuatkan iman umat Islam. Pada masa ini, ahli al-haq yang biasa disebut dengan ahli sufiah, Al-'Arafun, Al-Qaum dan Aulia Allah yang telah tiada banyak bilangan mereka lagi dan tiada berani mengembangkan konsep ketuhanan dan kealaman mereka secara terus-terang dalam masyarakat yang telah dipengaruhi oleh rasionalisme dari Greek tua, kita dapati telah melakukan suatu tindakan yang sungguh menarik untuk menyalurkan ilmu mereka menerusi idea-idea yang berkembang dalam zaman mereka. Untuk menyesuaikan bentuk alam yang telah popular itu dengan ajaran Islam dalam kosmologi, ahli al-haq pada zaman kemudian, seperti Al-Imam Al-Akbar Muhyi Ad-Din bin Arabi Quddus Allah Sirrhu (1156-1240 Masihi) dan Al-Syeikh Abdul Karim bin Ibrahim Al-Jili Quddus Allah Sirrhu (1365-1408 Masihi) membuat suatu teori bahawa atau tujuh langit yang tersebut dalam Al-Quran dan hadis itu adalah meliputi oleh satu atas yang lain menurut kawasan-kawasan سبع سموات tujuh lapis petala yang tersebut di atas. Tiap-tiap falak menyentuh langitnya dari bawah, susunannya adalah demikian:

- Bulan dan Falaknya terletak pada السماء الدنيا (langit rendah) yang dinamakan juga سماء القمر (langit bulan)
- Utarid dan falaknya pada langit kedua yang dinamakan juga langit Utarid.
- Zuhrah dan falaknya terletak pada langit ketiga yang dinamakan juga langit Zuhrah.
- Matahari dan falaknya terletak pada langit keempat yang dinamakan juga langit matahari.
- Marikh dan falaknya terletak pada langit yang kelima dinamakan juga langit Marikh.
- Musytari dan falaknya terletak pada langit keenam dinamakan juga langit Musytari.
- Zuhal dan falaknya terletak pada langit ketujuh yang dinamakan juga langit Zuhal.

Begitulah langit Zuhal adalah langit yang paling besar terbukti dari besar falaknya dan langit bulan adalah langit yang paling kecil terbukti dari kecil falaknya.

[8] Berdasarkan keterangan Syed Hossein Nasr dalam bukunya An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines (ms 76)

Rajah 2: Alam berbentuk bulat menurut Ibnu Arabi berdasarkan apa yang tersebut dari keterangannya, bukan yang tersirat.

Supaya lebih diterima akal lagi, mereka berdua menegaskan bahawa langit itu adalah suatu benda yang syafaf ertinya transparensi (lut sinar) atau nampak terus menerus. Oleh sebab itu, kita dapat melihat Al-Ajaram atau benda yang di atas daripada langit pertama, seperti planet-planet Utarid dan Zuhrah, kemudian matahari, dan planet lain di atas lagi sampai kepada planet zuhal pada langit yang ketujuh dan seterusnya kepada bintang-bintang tetap pada falak yang kelapan.

Yang menarik perhatian di sini bahawa mereka berdua tidak menyatakan bahawa bulan, matahari dan planet-planet itu sendiri sebagai langit, hanya dinyatakan bahawa benda ini berada pada langit.

Demikian tujuh lapis langit menurut kawasan-kawasan tujuh lapis Aflak menurut penyesuaian Ibnu Arabi dan Abdul karim Al-Jili dengan bentuk alam yang telah terkenal dalam zaman mereka berdua. Ibnu Arabi menamakan tujuh lapis Aflak ini dengan nama tunggal 'Al-Falak Al-Adani' ertinya falak rendah dan biasanya diisyaratkan kepada peredaran matahari dan peredaran bulan meneglilingi bumi. Kemudian Ibnu Arabi menambahkan pula di atas bentuk alam itu suatu tingkatan Aflak yang lebih tinggi di atas daripada falak langit Zuhal tadi. Aflak ini dinamakan dengan nama tunggal "Aflak Al-Ala" ertinya falak atas atau Al-Falak Al-Aqdhi ertinya falak jauh.
Falak ini bermula dari Al-Falakul Mikawakib ertinya falak yang mempunyai planet terus ke atas sampai kepada Al-Falakul Atlas yang dinamakan juga falak al-buruj.

Di antara kedua-dua falak ini terletak Al-Jannat ertinya syurga-syurga yang terdiri dari tujuh lapis, jauh di bawah bumi Al-Falakul Mikawakib terletak jahanam atau neraka. Di sini penerangan Ibnu Arabi agak kurang jelas, seolah-olah ada sesuatu yang disembunyikannya. Pada tempat lain ia menggambarkan Al-Falakul Mikawakib itu sebagai kata-kata tunggal yang mempunyai pengertian majmuk, kerana dikatakan dalam falak ini terdapat Al-Jannat (syurga).

Di atas daripada Al-Falakul Atlas itu terletak Al-Kursiyul Azhim yang bukan lagi berupa falak, tetapi adalah merupakan jisim nyata (محسوس) ertinya jisim yang dapat dirasai (dengan pancaindera) berbentuk bulat, terkandung di dalamnya langit dan bumi, maksudnya seluruh yang tersebut di atas.

Di atas daripada Al-Kursiyul Azhim itu barulah terletak Al-Arasy atau Al-Arasy Al-Muhith ertinya Arasy yang meliputi yang juga berupa jisim nyata (محسوس), berbentuk bulat meliputi segala alam yang terletak di dalamnya.

Perbezaan radius antara Al-Kursiyul Azhim dan Al-Arasy Al-Muhith ini, Ibnu Arabi mempergunakan perbandingan yang dibuat oleh Rasulullah sallallahu alaihi wassalam iaitu seperti suatu bulatan cincin yang terletak di padang pasir yang luas[9]. Dengan apa yang telah

[9] Mengenai bentuk alam di atas, lihat 'Al-Fatuhatul Makiah' oleh Muhyi Al-Din bin Arabi Jilid 2, ms 421-456 dan Jilid 3 ms 416-448, juga pada beberapa tempat lain dalam jilid 1,2 dan 3 dan lihat Al-Insanul kamil oleh Al-Syeikh Abdul karim bin Ibrahim Al-Jili, Jilid 2 ms 93-108 ketika membicarakan tentang bentuk alam ini, Ibnu Arabia da menyebut pula arasy yang berbentuk empat persegi dan kursi di dalamnya wang juga berbentuk empat persegi (lihat jilid 3 ms 432). Juga ia ada membuat dua rajah yang menggambarkan arasy dan kursi ini berbentuk demikian (Lihat jilid 3 ms 422 dan 423) dengan ini seolah-olah seluruh alam adalah terleyak dalam sebuah peti berbentuk empat persegi atau sebuah kaabah. Hal ini sangat mengelirukan bagi orang yang tidak faham tentu menganggap Ibnu Arabi mengemukakan fakta-fakta yang ia sendiri tidak mengetahui mana yang salah dan mana yang betul. Sebenarnya

diterangkan di atas, pengislaman Sistem Ptolemy tadi menjadi jauh lebih lengkap daripada yang telah dilakukan oleh Ikhwanul Safa dalam abad yang ke 10 dahulu.

4. Sikap Alami Yang Dibungkus.

Dari kajian-kajian yang telah dibuat terhadap bentuk alam dalam karangan kedua-dua tokoh ahli al-Haq itu, sebagai wakil-wakil dari sekalian ahli al-Haq pada zaman mereka berdua hendaknya, jelas apa yang tersirat dala, tulisan-tulisan mereka bukanlah seperti apa yang dinyatakan. Apa yang tersirat itu disamarkan dengan berbagai-bagai cara supaya tiada kelihatan dengan pandangan kasar. Di antara cara-caranya adalah sebagai berikut;

Yang pertama: Membungkusi maksud dengan beberapa lapis tutupan. Dalam hal ini, kita kemukakan tulisan Ibnu Arabi yang terkandung dalam kitabnya 'Al-Fatuhatul Makiah' sebagai contoh. Maksudnya yang sebenar yang selaras dengan ilmunya dalam kitabnya yang besar ini biasanya diselubungi oleh beberapa lapis tutupan, iaitu kesukaran memahami struktur ayat-ayatnya, kesukaran memahami istilahnya ini, penyusupan fakta-fakta yang sebenar di sebalik ayat-ayatnya yang lahir, atau di antara ayat-ayatnya ini, dan kadang-kadang berada pada bahagian dan fasal lain yang tidak membicarakan tentang fakta-fakta itu secara khusus[10]. Dengan ini jelas sekali bahawa penyesuaian teorinya dengan bentuk alam yang popular pada zamannya adalah dilakukan dengan penuh kesedaran bahawa apa yang diketahui sebenarnya bukanlah demikian, ia bukanlah dipengaruhi oleh bentuk alam yang popular itu secara tidak sedar.

Yang kedua: Menyusupkan fakta-fakta alam atas yang ganjil tanpa ulasan dan penyelarasan yang menyeluruh, Fakta-fakta mengenai alam atas yang dianggap ganjil pada akal yang tersebut dalam Al-Quran, hadis nabawi dan kata-kata ulama salafussoleh seperti Arasy berbentuk kubah atau berupa jisim yang ditanggung oleh empat malaikat, kursi berupa jisim terletak dalam Arasy, syurga yang ada di dalamnya mahligai-mahligai dan peralatan yang nyata, Jabal Qaf (Gunung Qaf) dari permata hijau meliputi alam, langit tujuh lapis yang nyata ada dengan pintu-pintunya yang pernah dinaiki oleh Rasulullah sallallahu alaihi wassalam dengan roh dan jasad pada malam mikraj, bumi tujuh lapis yang nyata di bawahnya terdapat neraka dan lain-lain lagi, tidak diingkari oleh ahli al-Haq itu, sedangkan ahli al-falsafah yang berdasarkan akal mengingkarinya sebagai sesuatu yang nyata atau yang bersifat kebendaan. Oleh ahli al-Haq, fakta-fakta itu

---

tidak demikian, ia hendak menerangkan ada dua jenis arasy dan kursi, tetapi nampaknya sahaja ia menjadikan keterangan samar-samar supaya orang mencari penjelasan menerusi jalan lain. Keterangan kita akan dating memperjelaskan kesamaran ini.

[10] Ini adalah dipandang dari segi bahawa Ibnu Arabi mempunyai daya ikhtiar untuk memperjelaskan karangan yang rumit. Hal ini dapat pula dipandang dari segi iradat tuhan yang memang menghendaki begitu sebagaimana kata Ibnu Arabi sendiri: "Ketahuilah bahawa susunan Al-Fatuhatul bukanlah dari ikhtiar dan bukanlah dari renungan fikiran, sebenarnya al-haq taala merencanakan kepada kami menerusi lidah malaikat al-ham seluruh apa yang kami tuliskan. Dan kadang-kadang kami menyebut suatu perkataan di antara dua perkataan yang tidak ada hubungan dengan apa yang sebelumnya dan apa yang selepasnya". (Lihat Al-Kabriyatul Ahmar oleh Sayyidi Abdul Wahab Al-Sya'rali, pada hamas 'Al-Yuwaqitu Wal Jawahar ms 4-5 dan disiarkan kembali oleh Al-Doktor Abu Al-'Ala Afifi dalam Al-Insaniah Jilid 1 ms 164)

dimasukkan pula di sana sisi dalam tulisan-tulisan mereka menjadi fragmen tanpa ulasan, tanpa penyelarasan yang menyeluruh dan lengkap di antara satu sama lain dan tidak ada pula penyesuaian yang bererti dengan bentuk alam yang telah dikemukakan atas dasar Ptolemy itu. Apakah faktor-faktor yang mendorong ahli al-Haq berbuat demikian? Faktor-faktor ini dapat diterangkan demikian:

Yang pertama: Tidak mahu melampaui akal manusia umumnya. Biasanya ahli al-Haq menulis sesuatu ajaran bila ada cabaran yang hebat seperti juga mereka memberikan sesuatu jawapan lisan bila ada pertanyaan yang bersungguh-sungguh. Bila semua ini tidak ada, mereka mendiamkan diri, ini adalah salah satu dari watak-watak mereka. Dalam zaman pertengahan yang sedang kita bincangkan sekarang ini, ahli al-Haq sedang menghadapi cabaran berat dari ajaran Ptolemy mengenai konsep alam. Dalam zaman Ibnu Arabi iaitu dalam abad yang ke 13 Masihi, ajaran ini telah berakar berumbi dengan kuatnya dalam masyarakat Islam, ia merupakan ajaran yang diterima oleh hampir segenap peringkat umat Islam. Ibnu Arabi itu juga lain-lain ahli al-Haq sebagai orang yang bijaksana, berusaha menyelamatkan umat Islam dengan membangunkan suatu ajaran baru mengenai konsep alam di atas tapak asal itu. Dengan ini, apa yang mereka terangkan tidaklah maju begitu jauh dari akal manusia umumnya pada zaman mereka. Bila keterangan itu terlalu maju, meskipun benar, tentu akan ditolak oleh orang ramai kerana tiada tercapai oleh akal mereka, rasulullah Sallallahu alaihi wassalam pernah bersabda:

لاتحدثوا الناس بمالم تصل عقولهم

Ertinya: Janganlah kamu memperkatakan kepada orang ramai apa yang tiada dapat dicapai oleh akal-akal mereka".

Yang kedua: Sukarnya mendapat pengakuan terhadap autoriti. Suatu keterangan wang terlalu maju itu boleh juga diberikan kepada orang ramai, tetapi dengan suatu syarat penting iaitu adanya autoriti atau keahlian. Mengapakah dikatakan demikian? Duduknya masalah adalah begini:

Tiap-tiap suatu yang hendak diterangkan kepada orang ramai memerlukan bukti, sedangkan dalam soal yang berhubung dengan alam atas, bila diterangkan seluruhnya akan bertemu dengan perkara-perkara yang tiada pernah terdengar dan ganjil pada akal, sedangkan ini tidak ada bukti untuk dikemukakan.

Hendaklah disuruh orang ramai melihat buktinya dengan mata kepala, apa yang diterangkan itu adalah melampaui mata kepala manusia, dan hendak dibuktikan dengan getusnya dari ayat Al-Quran, hadis-hadis atau kata-kata ulama salafussoleh, kadang-kadang tidak mungkin, sebab tidak ada nas yang terang atau tidak ada nas langsung. Hanya satu sahaja jalan untuk orang ramai menerima keterangan itu, iaitu kepercayaan bulat merak terhadap ahli al-Haq itu. Manakala untuk ini pula lebih dahulu memerlukan autoriti, untuk mendapat pengakuan orang ramai

terhadap autoriti inilah yang paling sukar. Kalau apa yang diterangkan itu dari ilmu-ilmu yang terdapat dalam kitab-kitab yang bertebar dalam masyarakat, tidak sukar untuk mendapat autoriti ini, suatu *degree* Al-Alamah yang diberikan sudah menjadi suatu tanda mempunyai autoriti. Tetapi mengenai alam atas, tidak banyak yang ada dalam kitab-kitab ini akhirnya mahu atau tidak mahu, seseorang ahli al-Haq itu terpaksa mengakui bahawa ia mendapatnya dari sumber-sumber yang bukan biasa. Bila ini terjadi, orang ramai yang memandangkan segala-galanya dari segi lahir akan berpecah kepada tiga golongan penting:

i. Golongan yang berwatak kebendaan akan menolak terus sumber-sumber itu sebagai dapat dipertanggungjawabkan dalam dunia ilmu.

ii. Golongan yang percayakan adanya alam ghaib. Tetapi menganggap sumber-sumber itu sebagai datang dari alam ghaib yang tidak baik.

iii. Golongan yang percayakan adanya alam ghaib juga, tetapi tidak menuduh sumber-sumber itu sebagai datang dari alam ghaib yang tidak baik, mereka tidak mahu percaya kepada sesuatu yang dianggap sebagai tambahan dari apa yang telah ada di dalam Al-Quran dan hadis nabawi dan tidak percaya kepada peribadi yang membuat dakwaan itu. Mereka akan bertanya, apakah dia rasul baru? Tidak cukupkah manusia ini dengan ilmu yang telah diberikan oleh Allah menerusi rasulnya dulu? Kemudian mereka menyuruh peribadi itu dan bertanya:

Apakah dulunya ia orang karut atau orang yang suka mencari pengaruh atau tidak? Apakah ia orang yang mempunyai pendidikan yang sempurna atau tidak? Kalai tidak mempunyai pendidikan yang sempurna mungkin ia cuba mendapatkan autoriti dari pengakuan yang dibuat-buat. Pendeknya, 1001 macam sorotan akan dibuat oleh golongan in yang tentu amat tipis harapan untuk mendapat pengakuan mereka terhadap autoriti seseorang peribadi yang membuat dakwaan tadi.

Bila tidak ada pengakuan orang ramai terhadap dakwaan seseorang ahli al-Haq itu, ia akan terdedah kepada berbagai-bagai tuduhan: Tukang khayal, mendapat ilmu dari jin dan syaitan, memperkatakan sesuatu yang tidak ada di dalam Al-Quran dan hadis, pembohong, ahli khurafat dan mungkin menganggapnya sebagai menyeleweng dari agama yang benar. Bila tuduhan-tuduhan ini terjadi, hubungannya dengan orang ramai pun putus. Inilah yang dikatakan fitnah yang sangat ditakuti.

Yang ketiga: Tidak mahu mendorong orang ramai membohongi Allah dan rasulNya. Seseorang ahli al-Haq itu bila memperkatakan sesuatu yang tiada dapat dicapai oleh akal orang ramai, ia memperkatakan sesuatu yang benar di sisi Allah dan rasulNya. Ia tidak berbohong, hanya orang ramai sahaja yang menganggap berbohong sebab tidak dapat dicapai oleh akal mereka. Dengan ini bila keingkaran dari orang rami berbangkit, keingkaran ini pada hakikatnya bukanlah di

hadapkan kepada ahli al0haq itu, malah menuju kepada Allah dan rasulNya sebagaimana yang tersebut dalam hadis tadi dalam bentuk yang lengkap:

لاتحدثوا الناس بمالم تصل عقولهم اتريدون ان يكذب الله ورسوله؟

Ertinya: Janganlah kamu memperkatakan kepada orang ramai apa yang tiada dapat dicapai oleh akal-akal mereka, apakah kamu mahu dibohongi orang akan Allah dan rasulNya?[11]

Jadi masalah ini serupa juga dengan yang disebut di dalam Al-Quran (Surah Al-An'am: 108)

وَلَا تَسُبُّواْ ٱلَّذِينَ يَدۡعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ فَيَسُبُّواْ ٱللَّهَ عَدۡوَۢا بِغَيۡرِ عِلۡمٍ

Ertinya: dan janganlah kamu cerca benda-benda Yang mereka sembah Yang lain dari Allah, kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas Dengan ketiadaan pengetahuan.

Itulah tiga faktor penting yang menyebabkan ahli al-Haq lebih suka menyembunyikan sikap alami mereka terhadap alam daripada menerangkan kepada orang ramai. Kalai hendak diterangkan juga, diterangkan secara samar-samar.

Meskipun demikian, tidaklah ilmu mereka tertutup, ada juga pintu kecil untuk mereka mengalirkan keluar ilmu di dalam dada mereka. Ilmu ini mencari jalan keluar secara halus kepada murid-murid mereka yang khusus, yang dicampakkan oleh Allah Taala ke dalam hati mereka rasa percaya kepada guru-guru mereka. Tutupan yang membungkusi maksud dalam kitab-kitab mereka , dibukukan secara berhati-hati kepada murid-murid itu menerusi lisan. Juga fakta-fakta alam atas yang ganjil yang disusupkan tanpa ulasan dan penyelarasan dalam kitab-kitab itu, sengaja dibiarkan begitu supaya menjadi masalah yang hanya akan dijawab dengan lisan juga bila ditanya dengan bersungguh-sungguh oleh murid-murid mereka, jawapan ini pun hanya dengan secara ringkas sahaja, tetapi memuaskan hati, tergantung pada persediaan akal si penanya yang dilihat menerusi firasat al-mukminin, ataupun disuruhnya si penanya itu melakukan ibadat dengan suatu metode yang tertentu untuk menyaksikan sendiri alam-alam itu menerusi kasyaf. Kalai diizinkan Allah maka terjadilah kasyaf ini dan bila si penanya itu telah yakin dengan penyaksian sendiri, barulah sang guru memberi keterangan yang lebih lanjut dengan cara berhati-hati, takut terlanjur atau menarik perhatian kepada beberapa fragmen dalam

---

[11] Dipetik oleh Al-Imam Al-Ghazali dalam Al-Amala' fi Asykalatil Ihya'. Suatu hadis yang sama tujuannya berbunyi demikian: حدثوا الناس بما يعرفون اتريدون ان يكذب الله ورسوله؟
Ertinya: Perkatakan kepada orang ramai apa dengan apa yang mereka ketahui, apakah kamu mahu diperbohongi orang akan Allah dan rasulNya? (Lihat Faidul Qadir Syarah Al-Jami' Al-Saghir, oleh Al-Alamah Al-Manawi, Jilid 3 ms 377)
Menurut Al-Imam Ghazali, orang yang membohongi sesuatu keterangan yang rahsia dari seseorang wali Allah adalah menjadi kafir. Juga seorang wali Allah yang menerangkan rahsia itu dengan tujuan supaya pendengar menjadi kafir, maka ia sendiri juga menjadi kafir (Lihat Al-Amala' fi Asykalatil Ihya' pada Hamash kitab Al-Ihya, Jilid 1 ms 190-193)

karangan orang lain untuk memperjelaskan lagi mana yang tiada jelas atau tiada lengkap dalam kasyaf itu. Kemudian dipesan dengan bersungguh-sungguh supaya jangan menceritakan ilmu itu kepada orang yang tiada sampai akal nanti diingkarinya. Bila murid-murid itu menjadi guru-guru pula nanti, mereka menuruti jejak yang sama. Oleh itu, sikap alami terhadap alam dalam zaman pertengahan ini berada dalam kalangan yang sangat terbatas tidak diketahui umum.

5. Kacau Bilau Dalam Konsep Alam

Berkurangan pembukaan hijab dalam zaman pertengahan ini, berpengaruh sistem Ptolemy dalam masyarakat dan samar-samarnya pembelaan ahli al-Haq, menjadi faktor yang menyebabkan kandungan kitab-kitab yang ditulis mengenai konsep alam dalam zaman in sangat kabur. Akibatnya golongan terpelajar Islam yang mencedok ilmu dari kitab-kitab sahaja dan digelari ahli zawahir melalui suatu zaman kacau bilai dalam memahami konsep alam yang sebenarnya dimaksudkan oleh Al-Quran dan hadis nabawi. Kacau bilai ini kita akan temui di dalam kitab-kitab tua bila membicarakan tentang alam atas dan alam bawah. Sebagai contoh, kita kemukakan suatu petikan di sini dari kitab ‘Arshad Al-sari’ oleh Al-Alamah Al-Qastalani:

وفي كتاب صفة العرش للحافظ محمد بن عثمان بن ابي شيبه عن بعض السلف : أن العرش مخلوق من ياقوتة حمراء ، بعد ما بين قطريه مسيرة خمسين ألف سنة . واتساعه خمسون ألف سنة وبعد ما بين العرش إلى الأرض السابعة مسيرة خمسين ألف سنة ، وقد ذهب طائفة من أهل الكلام إلى أن العرش فلك مستدير من جميع جوانبه محيط بالعالم من كل جهة ، وربما سموه الفلك التاسع والفلك الأطلس قال ابن كثير , وهذا ليس بجيد لأنه قد ثبت في الشرع [ص: 20] أن له قوائم تحمله الملائكة ، والفلك لا يكون له قوائم ولا يحمل ، وأيضا فإنه العرش في اللغة عبارة عن السرير الذي للملك . وليس هو فلكا ، والقرآن إنما نزل بلغة العرب فهو سرير ذوا قوائم تحمله الملائكة ، وهو كالقبة على العالم وهو سقف المخلوقات

Ertinya: Dan tersebut dalam kitab sifat Arasy oleh Al-Hafiz Muhammad bin Utsman bin Abi Syaibah dari setengah ahli salaf, bahawa Arasy itu adalah terjadi dari permata delima merah, di antara dua pinggiran (garis pusatnya) adalah sejauh perjalanan selama 50000 tahun, dan luasnya 50000 tahun dan di antara Arasy dan bumi yang ketujuh sejauh perjalanan selama 50000 tahun. Suatu golongan ahli kalam berpendapat bahawa Arasy itu berupa falak yang bulat dari segenap seginya, meliputi seluruh alam dari segenap pihak, dan kadang-kadang mereka menamakan falak yang kesembilan dan falak al-atlas. Ibnu Katsir berkata bahawa pendapat ini tidak bagus, kerana

telah tegas dalam syarak bahawa Arasy itu mempunyai tiang-tiang yang ditanggung oleh malaikat, sedangkan falak tidak punya tiang dan tidak ditanggung, lebih-lebih lagi Arasy dalam bahasa bererti takhta bagi raja, bukannya falak, dan Al-Quran sebenarnya diturunkan dengan bahasa Arab, oleh itu Arasy adalah takhta yang mempunyai tiang-tiang yang ditanggung oleh malaikat, bentuknya seperti kubah terletak di atas alam dan ialah juga lungkup segala makhluk.[12]

Kesusasteraan Islam dalam bahasa kita juga tidak asing dari kekacauan ini. Kita kemukakan di sini suatu petikan dari kitab wirdul zawahir oleh Al-Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fatani sebagai contoh:

(Maka adalah Arasy itu) jisim yang nurani lagi alawi, yakni terangkat di atas, yang meliputi dengan segala ajsam seperti meliputi kulit telur dengan telur merahnya. Maka tujuh petala langit dan barang yang di dalamnya yakni di dalam Arasy. Dan bumi dan barang yang di atasnya (adalah terletak) di dalam tujuh petala langit, dan langit diedarkan seperti kincir tempat perjalanan air atas barang yang dijalankan kepadanya. (Menurut pendapat) ahli Al-Hiyah dan Falsafah dan jemaah daripada ahlussunnah seperi Imam Fakhrul Razi. Tetapi yang atasnya (menurut pegangan) ahlussunnah bahawasanya langit yang tujuh tiada seperti bawah pedang (سيفه) bulat, tetapi hanya seperti kubah. Maka Arasy tiada meliputi dengan segala ajsam dan sesungguhnya ia seperti kubah yang mempunyai tiang yang ditanggung akan dia oleh malaikat seperti riwayat: Bahawasanya nabi sallallahu alaihi wassalam bersabda:

"Bahawasanya Allah atas Arasy dan ArasyNya di atas tujuh petala langit dan tujuh petala langit di atas bumi, beginilah diisyaratkan dengan jarinya seumpama kubah.[13]

Dari kedua-dua contoh di atas menunjukkan bahawa kedua-dua penulisan itu mengambil kesimpulan menurut apa yang lahir dalam hadis bahawa Arasy itu berbentuk kubah, suatu sikap tabii dalam pandangan terhadap alam. Apakah mereka mempunyai sikap alami sebagai pegangan perseorangan, tidak diketahui.

Dengan keterangan di atas, anda dapat melihat bagaimana kacaunya konsep alam dalam kalangan umat Islam dalam zaman pertengahan dan bagaimana caranya ahli al-Haq menyelamatkan diri dengan licin dari kekacauan itu, manakala ahli zawahir bersama sebahagian besar dari masyarakat terlebih dalam kesukaran yang berterusan sampai kepada zaman moden seperti yang akan diterangkan.

[12] Al-Alamah Al-Qastalani dalam kitabnya "Arsyad Al-Sari Li Syarah Sahih Bukhari" jilid 5 ms 249.

[13] Al-Syeikh daud bin Abdullah Al-Fatani dalam kitabnya yang tebal "Wirdul Zawahir Li Hal Al-Fazh 'Akadil Jawahar" (ms 325). Kitab ini sebenarnya adalah suatu huraian yang lanjut bagi suatu syair mengenai ilmu tauhid dalam bahasa Arab bernama Akadil Jawahar yang ditulis oleh orang lain. Dalam salinan di atas, ejaan beberapa kalimah telah disesuaikan dengan ejaan baru, juga diberikan titik, koma dan lain-lain.

Fasal 3
Pengaruh Astronomi Dan Kosmologi Moden Dalam Zaman Moden.

Kacau bilau mengenai konsep alam dalam kalangan sebahagian terbesar dari umat Islam dalam zaman pertengahan tadi memberi peluang bagi masuknya pengaruh astronomi dan kosmologi moden dari Eropah yang kelihatan pada lahirnya jauh lebih unggul daripada konsep yang samar-samar itu, lebih sesuai dengan akal dan lebih bersifat alami.

1. Penemuan-penemuan Yang Mengagumkan.

Nicholas Copernicus (1473-1543 Masihi) dari Poland menyiarkan pendapatnya dalam karangan yang dikeluarkan dalam tahun 1543, tidak lama sebelum ia menutup matanya, bahawa bumi itu bukanlah tetap sebagai pusat alam, bahkan sebenarnya ia merupakan salah sebuah dari planet yang mengelilingi matahari. Maka kian bertambah lagi sikap alami manusia dalam pandangan terhadap alam menerusi akal. Pendapat baru ini telah menggegarkan dunia Kristian dan di Eropah yang menganggap Sistem Ptolemy tadi sebagai sesuai dengan ajaran gereja.

Menurut Sistem Copernicus bahawa matahari terletak di tengah-tengah manakala planet-planet beredar mengelilinginya. Utarid beredar pada falak pertama, Zuhrah beredar pada falak yang kedua bumi beredar pada falak yang ketiga, manakala bulan beredar mengelilingi bumi. Marikh beredar pada falak yang keempat, Musytari beredar pada falak yang kelima, Zuhal beredar pada falak yang keenam dan di atas sekali terletak bintang-bintang tetap kerana sistem ini berpusatkan matahari, ia digelar *Heliocentric System*, ertinya sistem berpusatkan matahari dan kemudian digelar *Solar System* ertinya Sistem Matahari.

Meskipun Copernicus telah menemui Sistem Matahari, tetapi penemuannya itu hanya hipotesis sahaja. Astronomi moden sebenarnya bermula sejak zaman Galileo Galilei (1564-1642 Masihi) dari Itali yang telah mereka suatu teleskop dalam tahun 1609 dan mempergunakannya untuk melihat benda-benda ke langit. Menerusi alat ini ia dapat melihat betapa benarnya hipotesis Copernicus itu. Di sekitar planet Musytari ia melihat empat bulan yang mengelilinginya, suatu hajat yang terang bahawa bumi kita dengan sebuah bulannya, tidak mungkin menjadi suatu benda ke langit yang penting. Ia melihat juga tingkatan cahaya permulaan planet Zuhrah yang serupa dengan bulan dan ini adalah fakta-fakta yang tiada dapat dihuraikan oleh Sistem Ptolemy. Juga Galileo mengarahkan teleskopnya kepada matahari dan ternyata bahawa benda ke langit yang disangka bersih itu sebenarnya berbintik-bintik. Bintik-bintik ini bergerak dari sebelah ke sebelah yang membuktikan matahari pun berpusing pada sumbunya sendiri. Oleh sebab kajian (*observation*) ini, Galileo menjadi penganut teori Copernicus yang bersemangat yang menyebabkan ia dipaksa oleh pihak gereja Kristian supaya membuat penafian di depan umum mengenai teori-teori astronominya.

Di sebelah utara pula, Johann Kepler (1571-1630 Masihi) dari German melakukan kajian (*observation*) terhadap benda-benda ke langit dan ia mendapati bahawa suatu planet itu tidaklah berjalan dalam bentuk falak yang sebulatnya, malah berjalan dalam bentuk bulat panjang atau bujur. Ini adalah yang pertama dari tiga hukum Kepler.
Yang kedua, bahawa planet itu dalam apakah bujurnya, bergerak lebih cepat bila berdekatan dengan matahari dibandingkan dengan bila ia berada jauh daripadanya.
Yang ketiga, bahawa di sana terdapat hubungan matematik yang tertentu di antara semua jarak planet dari matahari dan waktu-waktu planet ini menyempurnakan pusingannya atas falaknya.

Di England, seorang ahlu fizik, Isaac Newton (1642-1727) menemui Hukum Graviti Alam. Andainya suatu benda di bumi jatuh ke arah permukaannya kerana ditarik oleh bumi, maka begitu juga benda-benda ke langit adalah menarik antara satu sama lain. Yang menyebabkan benda-benda ini kekal berada di dalam falaknya ialah di sekeliling bumi dan seterusnya ia menyatakan bahawa oleh sebab tarikan bulan terhadap permukaan bumi menimbulkan pasang surut air laut.

Idea-idea Newton ini bertebar ke seluruh dunia. Dua planet yang tiada kelihatan pada zaman dahulu, Neptun dan Pluto di kira sebagai wujud menerusi prinsip Newton dan akhirnya ditemui dengan sebenar-benarnya. Yang pertama dalam tahun 1846 dan yang kedua dalam tahun 1930. Di samping ini ada lagi beberapa penemuan yang penting dalam sains disebabkan oleh hasrat untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam astronomi.

Seorang kawan Newton bernama Edmund Halley (1656-1742) membuat kajian terhadap *comets* atau bintang berekor dalam tahun 1718. Ia membandingkan letak bintang-bintang pada zamannya dengan apa yang telah dinyatakan oleh ahli astronomi Greek tua Hipparchus kira-kira tahun 170 Sebelum Masihi. Ia dapati bahawa letak beberapa bintang yang dianggap tetap, adalah ternyata berubah. Dengan ini diketahui bahawa bintang-bintang itu sebenarnya bergerak, dan andainya beberapa buah bintang bergerak, adalah logik untuk diperkatakan bahawa bintang-bintang yang lain termasuk matahari juga bergerak. Oleh sebab ini, matahari tidak lagi dianggap sebagai pusat alam, malah ia mengambil tempat sebagai bintang biasa sahaja di antara berjuta bintang.

Seorang ahli astronomi pada zaman kemudian, Willian Herschel (1738-1822) sewaktu meneropong dengan teleskopnya ke arah bintang-bintang dalam tahun 1781 dengan tidak disangka-sangka telah menemui sebuah planet baru yang belum pernah dijumpai orang, digelari Uranus. Tetapi jasanya yang terpenting ialah penemuan galaksi kita yang merupakan suatu kumpulan bintang-bintang yang amat banyak. Ia meletakkan matahari pada tengah-tengah galaksi itu. Meskipun demikian, pendapatnya ini didapati salah kerana matahari itu sebenarnya terletak ke arah sebelah tepi. Juga ia telah menemui galaksi-galaksi lain yang dinamakan Pulau Alam (*Island Universes*).

Dengan secara ringkas diterangkan di sini bahawa sejak zaman Herschel itu, pengetahuan mengenali galaksi kita dan lain-lain galaksi telah amat jauh majunya. Orang dapat mengetahui bahawa galaksi kita terdiri kira-kira 100,000,000,000 bintang-bintang yang berpusing mengelilingi suatu pusat seperti roda. Matahari kita bergerak mengelilingi pusat Sistem Galaksi ini selama kira-kira 225,000,000 tahun untuk mencukupi satu pusingan. Juga galaksi-galaksi lain yang mempunyai bintang-bintang kira-kira sebanyak itu juga adalah berpusing mengelilingi pusat masing-masing. Galaksi ini yang terdiri dari berbagai-bagai jenis dan terbahagi kepada beberapa kumpulan, adalah dikira berjumlah kira-kira 10,000,000,000 buah hingga waktu ini[14].

Jarak di antara satu bintang dan satu bintang dalam suatu galaksi itu juga jarak antara satu galaksi dan satu galaksi yang lain tidak lagi dikira dengan batu tetapi adalah dikira dengan tahun cahaya. Dalam 1 saat cahaya berjalan sederas 186000 batu, cubalah anda kira berapa batukah cahaya berjalan dalam masa setahun? Jarak antara matahari sebagai suatu bintang dengan bintang yang paling dekat adalah sejauh 4 ¼ tahun cahaya. Jarak antara bumi kita dan galaksi yang paling dekat adalah sejauh 850000 tahun cahaya, manakala galaksi yang paling jauh tidak kurang dari 5,000,000,000 tahun cahaya, ditambah lagi dengan kemungkinan adanya galaksi yang lebih jauh, tetapi tidak lebih daripada kemungkinan pencapaian pancaindera manusia sejauh 13,000,000,000 tahun cahaya. Ya! Sungguh mengagumkan pengetahuan manusia mengenai alam dalam abad yang ke 20 ini.

2. Bentuk Alam

Alam yang begitu sekali besarnya itu, bagaimanakah bentuknya secara keseluruhan? Dalam tahun 1916, Albert Einstein (1879-1955) mengeluarkan teorinya[15] bahawa alam ini yang terdiri dari empat dimensi[16], adalah berbentuk bulat (*sphere*) seperti bola. Permukaannya yang terdiri dari galaksi yang banyak itu seperti gelembung sabun dengan kerutan di atas permukaannya. Oleh sebab bulatannya, alam itu dapat diukur, oleh itu ia adalah terbatas (*finite*). Juga kerana titik, kemudian sampai kepada titik ini semula, dan begitulah seterusnya tanpa berhenti, sebab ini ia adalah tidak berakhir (*unbounded*). Jadinya, menurut Einstein, bahawa alam yang bulat itu adalah terbatas dan tidak berakhir (*finite and unbounded*).

Teori Einstein itu berasaskan atas pandangan terhadap alam sebagai dalam keadaan statik. Dalam tahun 1929 suatu perkembangan penting telah terjadi. Edwin Hubble (1889-1953) dari Amerika mengisytiharkan bahawa berasakan saksi-saksi percubaan, ternyata bahawa galaksi itu dengan cepatnya meninggalkan kita. Ini dapat ditafsirkan bahawa alam kita adalah dalam keadaan mengembang dengan amat cepatnya. Beberapa teori telah timbul untuk menggambarkan bentuk alam atas asas alam yang mengembang (*expanding universe*) itu. Nampaknya yang banyak

[14] Jumlah galaksi ini adalah menurut keterangan Robert Jastrow dalam bukunya Red Giant and White Dwarfs, nakhah yang telah diperbaiki dari cetakan tahun 1969 ms 19.
[15] Teori ini terkandung dalam General Theory of Relativity yang dikeluarkan dalam tahun yang tersebut di atas.
[16] Empat dimensi ini ialah tiga untuk ruang: panjang, lebar dan dalam, dan satu lagi ialah zaman. Bentuk alam adalah hasil dari alam tiga dimensi untuk ruang itu yang dikemukakan secara hipotesis.

diterima orang ialah *Big Bang Theory*, ertinya teori letupan besar yang menyatakan bahawa galaksi itu berkembang akibat dari hembusan suatu letupan besar waktu mula terjadi dulu. Dengan keadaan ini, alam itu sebagai suatu keseluruhan adalah berbentuk bulat dan mengembang seperti suatu belon getah yang ditiupkan angin ke dalamnya. Kalau pada permukaan belon itu dibuat titik-titik yang sama jauh kedudukannya, kemudian setelah dihembuskan angin ke dalamnya, titik-titik itu makin menjauhi antara satu sama lain, serupalah dengan galaksi-galaksi yang meninggalkan oleh yang satu akan yang lain, setelah dihembus oleh letupan besar ini.

Rajah 3: Menunjukkan bentuk alam yang dibandingkan dengan belon getah, titik-titik itu meninggal oleh yang satu akan yang lain ketika belon mengembang dari sebab hembusan angin ke dalamnya. Titik di tengah itu menggambarkan galaksi kita yang bukan sahaja ia ditinggalkan, tetapi juga ia meninggalkan galaksi yang lain.

Sekarang timbul pertanyaan: Apakah galaksi itu mengembang terus menerus atau tidak? Kalau mengembang terus-menerus, galaksi-galaksi itu akan menuju kepada matlamat yang tiada hadnya. Tetapi , pendapat yang banyak diterima sekarang, bahawa alam itu bukanlah berkembang terus menerus, oleh sebab adanya graviti alam, maka bila sampai masanya, galaksi-galaksi itu akan turun semula menuju kepada pusatnya dan kemudian mengembang kembali.

Begitulah alam mengembang dan menguncup sebagai denyutan jantung. Sebab itu pendapat ini digelar *Pulasting Universe Theory* ertinya Teori Alam Yang Berdenyut.

3. Kekeliruan Umat Islam

Umat Islam berdepan dengan suatu cabaran baru dari barat mengenai alam. Cabaran yang berlainan sekali dari permulaan zaman pertengahan dulu. Penemuan baru sejak zaman Copernicus sampai kepada zaman Herschel yang telah menggegarkan Eropah itu, turut menggegarkan pula masyarakat Islam timur tengah. Umat Islam mulai merasa betapa pentingnya mengubahkan konsep lama mereka mengenai alam. Ayat Al-Quran berhubung dengan alam ini memang banyak dan nampaknya boleh ditarik semacam getah untuk disesuaikan dengan apa sahaja konsep yang baru datang dan sesuai dengan akal. Dalam bahagian akhir dari abad yang ke 19, pentafsiran ayat-ayat Al-Quran secara moden sains termasuk mengenai astronomi telah dimulai. Di antara kitab-kitab yang paling penting dalam peringkat zaman ini ialah "Kasyaful Asrar An-Nuraniah (كشف الاءسرار النورانية, فيما يتعلق بالاءجرام السماوية, والاءرضية, والحيواناتو والنباتات, والجواهر المعدنية)", oleh Muhammad bin Ahmad Al-Iskandarani yang dikeluarkan dalam tahun 1297 Hijrah (1891 Masihi)[17].

Berdasarkan astronomi moden, umat Islam mendapati tidak ada langit tujuh lapis yang dikatakan oleh ulama purba sebagai terletak pada tujuh lapis falak, walaupun dalam bentuk lut sinar (syafaf), yang ada hanya graviti alam yang menyebabkan planet-planet beredar di sekitar matahari itu dalam ruang angkasa yang luas. Juga harapan bertemu dengan langit sebagai kubah yang terlungkup di atas kepala sebagaimana menurut zahir hadis adalah mengecewakan sekali kerana ahli-ahli astronomi Eropah yang telah meneropong jauh ke dalam ruang angkasa, ke sebelah sana bintang-bintang dan galaksi, lebih jauh daripada 500 tahun perjalanan di antara bumi dan langit[18] belum menemui langit yang diharapkan. Malah Kursi dan Arasy yang sepatutnya telah dilihat oleh teleskop itu ialah benda-benda ke langit iaitu bulan, matahari, planet dan bulan masing-masing, bintang berekor, bintang, galaksi dan lain-lain. Di sini umat Islam mulai terpedaya, mereka membuat peninjauan kembali tentang erti kata-kata "السماء" itu dalam bahasa bererti "كل ما علاك"[19] ertinya tiap-tiap yang di atas kamu atau sebagaimana menurut Al-Raghab Al-Asfahani "سماء كل شيء اعلاه"[20] ertinya langit bagi tiap-tiap suatu ialah apa yang di atasnya. Jadinya, tidak ada lagi apa yang di atas kepala kita yang tinggal di atas permukaan bumi

---

[17] Berpandukan keterangan Muhammad Hussein Az-Zahabi dalam thesisnya 'Tafsir Wal Mufsarun' Jilid 3 ms 163-164. Buku Kasyful Asrar An-Nuraniah itu masih ada hingga sekarang dalam simpanan perpustakaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan terdiri dari tiga jilid. Yang membicarakan tentang astronomi terdapat dalam jilid yang kedua.

[18] Ini berdasarkan beberapa hadis yang menggambarkan jarak di antara bumi dan langit adalah sejauh 500 tahun perjalanan. Tetapi tahun manakah yang menjadi ukuran di sini? Akan diterangkan dalam bahagian yang kedua akan datang.

[19] Tafsir Al-Alami Lilayati Al-Kawaniat Fi Al-Quran oleh Hafni Ahmad, ms 126. Juga Peristiwa Isra' dan Mikraj oleh H. Moenawar Chalil ms 66.

[20] Mufaradat Ar-Raghab Al-Isfahani Fi Gharibul Quran, padan hamash kitab Al-Nahayag Fi Gharibul Hadis Wal Atsar oleh Ibnu Katsir Jilid 3 muka 179

yang bulat ini, selain daripada benda-benda ke langit tadi yang disebut dengan “” atau dalam bahasa Inggeris disebut *heavenly bodies* atau *celestial bodies*. Dengan ini, benda-benda ke langit telah diterima oleh umat Islam sebagai langit-langit yang sebenar.

Akibat dari ini, tafsiran ulama Islam tentang langit tujuh lapis dalam peringkat zaman yang mula-mula hingga sekitar tahun 1930 adalah tertumpu pada tujuh planet yang mengelilingi matahari. Ya! Sekarang planet itu sendiri ialah langit-langit, bukan berada pada langit-langit. Seperti tafsir ahli Al-Haq dulu. Tafsiran yang berkeluk-keluk pun diadakanlah untuk memperjelaskan gambaran itu. Ada yang membuat alasan bahawa planet itu sebenarnya ada tujuh tetapi ketika Al-Quran diturunkan, dua daripadanya Uranus dan Neptun masih belum ditemui, oleh itu orang pada zaman dahulu memasukkan bulan dan matahari ke dalam kumpulan planet bersama lima planet yang telah diketahui, jadinya semua planet itu berjumlah tujuh buah[21]. Oleh itu yang dimaksudkan oleh Al-Quran dengan tujuh lapis langit itu ialah tujuh planet yang mempunyai tujuh lapisan falak, iaitu lima yang telah diketahui sejak zaman purba” Utarid, Zuhrah, Marikh, Musytari dan Zuhal, dan dua lagi yang baru ditemui, Uranus dan Neptun. Meskipun bumi termasuk dalam kumpulan planet, tetapi ia dikecualikan kerana yang dikatakan langit-langit itu ialah benda yang di atas bumi.

Planet yang tujuh buah itulah langit tujuh lapisan yang dinaiki oleh rasulullah sallallahu alaihi wassalam pada malam Israk dan Mikraj[22].

Bila sebuah planet lagi ditemui dalam tahun 1930, yang dinamakan Pluto, maka konsep penulisan Islam itu menjadi kacau[23]. Tetapi kemudian dengan senang mereka menyelamatkan diri dengan berteduh di bawah suatu kaedah dalam usul fikah ‘Al-Adada La Mafhum lahu’ ertinya bilangan tidak ada mafhum baginya. Maksudnya tiap-tiap bilangan yang tertentu dalam agama tidaklah memberikan pengertian wang terbatas setakat agak bilangan itu. Malah memberikan pengertian banyak. Jadinya apa yang difirmankan Allah subhanahu Wa Taala bahawa langit itu mempunyai tujuh lapis sebenarnya mempunyai banyak lapis[24].

---

[21] Berdasarkan pendapat Al-Syeikh Tantawi Johari dalam kitabnya ‘Bahjatul Ulum’ dan Syed Ahmad Rashid Reda dalam tafsir Al-Munar Jilid 14 ms 572 sperti yang diterangkan oleh H. Moenawar Chalil dalam sumber yang sama ms 159-160.

[22] Lihat buku Peristiwa Israk dan Mirkraj ms 161-168

[23] Hal ini dapat dilihat dalam buku Al-Falakul Hadis Fi Ajaibul Samawati Wal Ardh oleh Al-Bakbasyi Abdul Latif Abu Wafa ms54-55. Penulis ini mempersesuaikan tujuh lapisan langit dengan tujuh planet itu dengan memetik keterangan dari Takwim Muhammad Bak Mas’ud yang menurut penelitian kita pernah mengeluarkan beberapa siri takwim itu selama beberapa tahun berturut-turut dengan nama Takwim Al-Muid sejak awal abad 20. Tetapi di samping itu, penulis Al-Falak Al-Hadis menyebut pula suatu planet baru iaitu blutu (Pluto) yang nampaknya tidak ada tempat untuk dimasukkan ke dalam system tujuh langit itu.

[24] Tafsiran semacam ini boleh didapati di mana-mana sahaja dalam Al-Furqan Fi Tafsir Al-Quran oleh Hasan bin Ahmad (Hasan bandung) ketika menghuraikan ayat-ayat yang menyebut tujuh langit atau tujuh lapis langit. Tafsir ini mulai dicetak dalam bentuk sebuah buku dalam tahun 1956.

Perubahan pengertian itu membawa kepada berkembangnya suatu pengertian baru dalam kalangan penulis-penulis moden Islam mengenai langit dalam zaman yang terakhir ini. Sebagai contohnya, kita petik suatu takrif yang diberikan oleh Doktor Muhammad Jamal Ad-Din Al-Fandi, pengetua bahagian astronomi di Universiti Kaherah:
“Apabila kita menganggap bahawa langit itu adalah nama bagi apa yang ada di atas kita, jadinya tidak syak lagi ialah seluruh alam yang berada si sekitar kita bermula dari angkasa si sekitar bumi, dituruti oleh seluruh planet, matahari, bintang-bintang di angkasa dalam galaksi kita dan galaksi-galaksi lain seterusnya. Inilah dia as-sama’ (langit)”.[25]

Seterusnya ia berkata lagi: “Sesungguhnya Allah telah membina dan mengangkatkan langit dan menjadikan tiap-tiap jirim (benda) padanya sebagai batu-bata dari sebuah binaan yang tinggi, dan ia mengangkat pula ajram (benda-benda) ini seluruhnya setengah di atas setengah yang lain menerusi kekuatan menolak pusat (*centrifugal force*) juga diikat di antara satu sama lain ketika itu juga oleh graviti alam. Maka graviti dan kekuatan menolak pusat yang melahirkan pusingan dalam perjalanan serupa bulatan (*semi-circular*) atau bujur. Adalah seumpama tiang-tiang yang berdiri dengan sebenar-benarnya.[26] Keterangan ini adalah sebagai tafsiran bagi ayat-ayat Al-Quran:

وَٱلسَّمَآءَ بِنَآءً

Ertinya: dan langit kami jadikan sebagai binaan (Al-Baqarah: 22).

وَٱلسَّمَآءَ رَفَعَهَا وَوَضَعَ ٱلْمِيزَانَ ﴿٧﴾

Ertinya: Dan Langit itu ia mengangkat dan ia adakan neraca (Ar-Rahman: 7)

ٱللَّهُ ٱلَّذِى رَفَعَ ٱلسَّمَـٰوَٰتِ بِغَيْرِ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا ۖ

Ertinya: Allah yang mengangkat langit-langit dengan tidak bertiang yang kamu dapat melihatnya. (Ar-Ra’d: 2)

Ada pula suatu ayat Al-Quran yang dikatakan menjadi bukti bagi mengembangnya seluruh alam. Ayat ini berbunyi demikian:

وَٱلسَّمَآءَ بَنَيْنَـٰهَا بِأَيْي۟دٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ ﴿٤٧﴾

Ertinya: Dan langit itu kami dirikan dia dengan kekuasaan kami, dan sesungguhnya kamilah yang meluaskannya (Az-Zariayat: 47)

[25] Doktor Muhammad jamal Ad-Din Al-Fandi, “Min Ayat AlKawaniah Fi Al-Quran” muka 21 juga dalam terjemahan Inggeris berjudul On Cosmic Verses diterjemah oleh Ismail Kashmiri, ms 21.
[26] Ibid

Dengan ini bererti konsep bagi kaum terpelajar Islam sekarang sama dengan konsep alam yang mengembang menurut pendapat yang paling akhir dalam kosmologi.[27]

4. Samarnya Gambaran Kursi dan Arasy

Kalau begitulah konspe langit, jadinya seluruh alam syahadah yang kelihatan ini selain dari bumi adalah langit semuanya. Tujuj lapis langit telah dileburkan ke dalamnya tidak ada tempat lagi dalam alam itu untuk kursi dan Arasy. Kalau galaksi yang terletak beratus juta tahun, kemudian ribuan juta tahun perjalanan cahaya jauhnya dari kita masih kelihatan lagi oleh teleskop, tidak ada sebab kalai Arasy yang letaknya Cuma 50000 tahun perjalanan sahaja ke atas langit bumi yang ketujuh (lihat muka 26) tidak kelihatan dalam teleskop itu, lebih-lebih lagi Kursi yang lebih rendah daripada Arasy. Sekarang kedua-dua benda ini pula yang menjadi tanda tanya umat Islam. Kalau langit dapat dilihat dengan mata kasar atau menerusi alat-alat iaitu benda ke langit atau Al-Ijiramul Samawiyah, bagaimana pula Kursi dan Arasy? Apakah keduanya merupakan makhluk berjisim? Atau makhluk rohaniah? Atau merupakan pengertian dalam alam ma'ani? Atau lambang yang tidak ada pada kaitan? Atau lain-lain? Sekali lagi kaum pelajar Islam mengadakan peninjauan kembali, mereka mencari pula dua kata-kata itu dalam bidang bahasa, apa kata kamus tua itu dan apa kata mufradat ini. Apa kata tafsir itu dan apa kata mustholahat ini[28], serupa juga dengan cara mereka mencari pengertian langit tadi, tidak dicarinya dalam agama menurut metode yang telah dilakukan oleh ulama salafussoleh atau ahli al-Haq pada zaman-zaman kemudian. Anda tentu dapat mengagak apakah hasil yang akan didapati mereka dari cara itu, maklum sahaja bahasa, pengertian kata-kata yang popular dalam kalangan orang ramai. Termasuk pengertian di dalam kepala orang-orang jahil yang merupakan golongan terbesar dalam masyarakat. Sungguhpun Al-Quran diturunkan menerusi suatu bahasa supaya pemakai bahasa itu mengerti, tetapi pengertian orang ramai terhadap satu-satu kata istilah adalah

---

[27] Penyesuaian antara ajaran Islam dan astronomi dan kosmologi moden ini, anda akan temui hamper di mana-mana sahaja sekarang dalam buku-buku dan berkala-kala, dalam bahasa Arab, Inggeris, Urdu, Indonesia, Malaysia dan lain-lain. Suatu kejadian yang paling lengkap pernah dikeluarkan mengenai ini tertulis dalam buku Tafsir Alami Li Ayat Al-Kawaniah Fi Al-Quran oleh Hafni Ahmad, keluaran Darul Maaruf, Mesir, (tidak ada tarikh) terdiri dari 454 muka suarat. Meskipun penulis Islam yang paling akhir telah menyampingkan teori tujuh lapis langit ialah tujuh buah planet itu dan menegaskan bahawa langit yang sebenar ialah seluruh alam yang berada di sekitar bumi, tetapi teori ini masih dianuti orang seperti H. Moenawar Chalil dalam bukunya Peristiwa Israk Mikraj, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta Cetakan yang pertama dalam tahun 1960 dan yang kedua dalam tahun 1965. Salah seorang penulis Islam yang terkenal, Nazwar Syamsu mengusulkan bahawa 9 buah planet yang telah ditemui sekarang terbahagi dua. Yang pertama tujuh planet yang falaknya di luar dari falak bumi Marikh, Zuhal, Musytari, Uranus, Neptun, Pluto dan sebuah lagi planet yang katanya masih belum ditemui orang dinamakan Muntaha (dari sidrarul muntaha). Semua planet ini merupakan tujuh langit dan yang kedua, dua planet yang terletak dalam falak bumi iaitu Zuhrah dan Utarid dianggapnya sebagai terletak di bawah bumi. Di samping ini ada sebuah planet yang telah binasa katanya. Jadi, semuanya ada 11 buah planet sebagaimana dalam mimpi Nabi Yusuf Alaihi Salam. Dari planet Muntaha itu turunnya Nabi Adam Alaihi Salam ke bumi dan ke langit Zuhrah, naiknya Nabi Isa alaihi salam. Lihat bukunya Isa Al-masih di Venus keluaran Pustaka Saadiah, Padang Panjang, Sumatera Indonesia cetakan tahun 1969.

[28] Tentang bagaimana cara kaum terpelajar mencari konsep Kursi dan Arasy, sebagai contoh, lihat dalam buku Peristiwa Israk dan Mikraj muka surat 70-71. Juga dalam buku Tafsir Alami Li Ayat Al-kawaniahFi Al-Quran muka surat 128-129

relatif. Yang jahil tidak sama pengertian dengan yang alim, yang tidak diberi penerangan lanjut oleh rasulullah sallallahu alaihi wassalam tidak sama pengertian dengan yang telah diberi penerangan lanjut, yang renggang dari Allah dan rasulNya, tidak sama pengertian dengan yang rapat dengan Allah dan rasulnya. Hasil dari peninjauan kembali itu, bukan menambahkan jelasnya perkara, bahkan sebaliknya menyebabkan generasi baru dalam Islam termasuk penulis buku ini sendiri bertambah ragu dan samar-samar.

5. Umat Islam Makin Menyeleweng
Kerana gagalnya ulama moden Islam mencari penyesuaian antara sistem alam yang tersebut dalam Al-Quran dan sistem alam menurut astronomi dan kosmologi yang bersifat kebendaan itu, dengan secara tidak sedar, sebagaimana yang saya nampak ada kaum pelajar Islam mendapatkan kombinasinya dalam apa yang dinamakan Alam Al-Atsir ertinya alam gas (*ether*) menerusi ilmu spiritisme, sejenis ilmu untuk berhubung dengan apa yang dikatakan mereka roh orang-orang mati. Menerusi keterangan dari roh-roh ini yang menjelma pada perantara atau wasita' atau *mediums*. Mereka dapat mengetahui bahawa alam atsir ini terdiri dari tujuh lapisan atau tujuh mustawi atau tujuh permukaan (*planes*) yang mengelilingi bumi selapis demi selapis secara menyilang (*interpenetrate*) antara satu sama lain. Lapisan yang paling bawah berada pada bahagian permukaan bumi ini. Tiap-tiap lapisan itu berbeza antara satu sama lain menurut getaran gas. Seterusnya dikatakan pada permukaan tiap-tiap lapisan itu terdapat suatu alam adari makhluk-makhluk yang terjadi dari gas serupa dengan alam yang kita lihat di atas dunia ini. Tiap-tiap permukaan itu merupakan bumi bagi penduduknya. Bila melihat fakta ini, seorang penulis Islam yang popular sekarang, Abdul Razak Naufal dari Mesir menyatakan dengan tegas:
"Tidakkah ini yang dikatakan tujuh alam dengan langitnya dan buminya seperti yang disebut jelas dalam Al-Quran;

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبۡعَ سَمَٰوَٰتٍ وَمِنَ ٱلۡأَرۡضِ مِثۡلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ ٱلۡأَمۡرُ بَيۡنَهُنَّ لِتَعۡلَمُوٓاْ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٍ

قَدِيرٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ قَدۡ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عِلۡمَۢا ﴿١٢﴾

Ertinya: Allah yang menjadikan tujuh langit dan seperti itu juga dari bumi menurut perintah (Allah) di antaranya supaya kamu ketahui bahawa Allah itu berkuasa atas tiap-tiap suatu, dan bahawasanya Allah meliputi tiap-tiap suatu dengan ilmuNya. (At-Thalaq: 12)

Seterusnya ia menjelaskan bahawa berlapisnya langit-langit dan bumi-bumi itu secara bersilang antara satu sama lain merupakan jalan untuk pendakian roh dari bawah ke atas sebagaimana kata ilmu spiritisme moden dan ini adalah tafsiran yang sesuai sekali dengan nas-nas ayat-ayat Al-Quran seperti salah satu daripadanya berbunyi: :Tidakkah kamu fikirkan bagaimana Allah menjadikan tujuh langit berlapis-lapis.[29]

---

[29] Disingkatkan dari buku Hayat Al-Akhri oleh Abdul Razak naufal, ms 126-127. Penulis ini yang banyak menghasilkan karangan mengenai agama yang disesuaikan dengan sains adalah salah seorang dari tokoh penulis

Berdasarkan ilmu spiritisme itu juga, seorang penulis yang lain Doktor Ali Abdul jalil Radhi menyatakan bahawa langit-langit dalam alam Atsir itulah tempat mikrajnya Nabi Muhammad sallallahu alaihi wassalam kerana ilmu atsir itu bukan dari alam fizik yang bersifat kebendaan, maka mikraj ini tentulah tidak terjadi dengan roh dan jasad, tetapi adalah semata-mata dengan roh.[30]

6. Alam Akhirat Yang Samar-samar

Tidak diketahui bagaimana kaum terpelajar Islam yang bersifat kebendaan dalam pemikiran mereka tadi mentafsirkan alam akhirat menurut astronomi dan kosmologi, tetapi kaum terpelajar Islam yang bersifat rohani dalam pemikiran mereka di atas mempunyai tafsiran sendiri mengenai alam akhirat itu. Abdul Razak Naufal menyatakan seterusnya bahawa, tujuh lapis langit dan bumi dalam alam atsir itulah alam akhirat, tempat kembalinya roh-roh orang yang mati dan di situlah juga terdapat neraka dan syurga sebagaimana yang digambarkan oleh roh-roh orang yang mati tadi menerusi perantara. Inilah alam hakiki bagi manusia yang telah berpindah kesan, meskipun ia merupakan alam ghaib bagi manusia yang masih hidup di dunia. Tetapi setelah ia berpindah oleh manusia, seperti firman tuhan:

قُلْ إِنَّ ٱلْمَوْتَ ٱلَّذِى تَفِرُّونَ مِنْهُ فَإِنَّهُۥ مُلَـٰقِيكُمْ ۖ ثُمَّ تُرَدُّونَ إِلَىٰ عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

8. Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sebenarnya maut Yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang mengetahui Segala Yang ghaib dan Yang nyata, lalu ia memberitahu kepada kamu apa Yang kamu telah lakukan (serta membalasnya)". (Al-Jumaah: 8)

Dalam ayat ini dan lain-lain ayat yang menyebut alam ghaib dan syahadah, adalah didahulukan ghaib kemudian baru disebut syahadah. Juga dalam ayat ini disebut maut sebagai jalan perpindahan manusia kepada alam yang bermulanya ghaib kemudian menjadi masyhud (dapat di saksi).[31]

---

islam yang popular di Mesir dan Timur Tengah umumnya sekarang ini. Mengenai langit-langit dalam alam atsir ini, terdapat juga dalam buku Alimu Ghairul Manzura oleh Ali Abdul Jalil Radhi. Dalam mazhab-mazhab occultism dan theosophy, nampaknya ilmu atsir ini disebut dengan Astral World ertinya alam kayangan, dapat dibaca dalam karangan Annie Besant, Yogi Rama-Charaka dan lain-lain.

[30] Disingkatkan dari buku Hayat Muhammad Ar-Ruhiyah oleh Doktor Abdul jalil Radhi ms 222. KaKeingkaran terhadap mikraj dengan roh dan jasad kerana pengaruh spiritism ini dapat dikatakan telah dimulai oleh Muhammad Farid Wajdi (1878-1954) seorang ahli fikir Mesir yang terkenal.

[31] Buku Al-hayatul Akhari ms 135-139 berkenaan dengan neraka dan syurga menurut spiritism ini dibicarakan dengan luas dalam buku Al-Alimul ghairil Manzur ms 213-225.

Tidak diketahui bagaimana tafsiran kepercayaan baru ini mengenai hari kebangkitan di mana manusia sebagai roh dan jasad terjadi semula dan melalui kehidupan yang lama di bumi mahsyar hingga dimasukkan ke dalam neraka dan syurga. Nampaknya pada mereka tidak ada berbeza antara neraka dan syurga dalam kehidupan barzakh dan neraka dan syurga dalam alam akhirat.

Serupa dengan kaum terpelajar Islam yang bersifat kebendaan dalam pemikiran mereka tadi mencari langit, kursi dan Arasy dengan cara mengekor pendapat dan metode orang-orang terpelajar barat. Maka ahli-ahli terpelajar Islam yang bersifat rohani dalam pemikiran mereka pula menuruti jalan yang sama, yang berbeza hanya dalam lapangan. Mereka tidak mencari alam ghaib itu dalam agama anutan mereka sendiri, agama Islam, menurut metode ahli al-Haq. Mereka percaya pada metode manusia-manusia yang tiada pernah mengucap dua kalimah syahadah dan mengambil pengakuan dari makhluk halus yang menjelma pada diri mereka mengenai alam ghaib untuk disesuaikan dengan ayat Al-Quran yang maha suci. Kalau berhubung dengan langit dalam alam fizik pun umat Islam moden telah terpedaya dan dikelirukan, apatah lagi berhubung dengan alam ghaib, suatu alam yang banyak sekali jurang bahayanya, alam yang banyak jenis dan tingkatannya, termasuk tingkat alam jin dan syaitan.

Kalau ahli al-Haq dulu dengan secara sedar menyesuaikan keterangan mereka dengan ukuran akal manusia, dan sebagaimana dalam keadaan sedar mereka mengetahui ranjau-ranjau dan jurang-jurang bahaya, tetapi ulama Islam moden sekarang, bukan mengadakan penyesuaian. Sebelum mereka meraba-raba dalam gelap, tidak mengetahui di mana duduknya ranjau dan jurang dan mereka bersama pendapat ahli-ahli sains dan spiritisme itu secara tidak sedar telah masuk k dalam gaung yang dalam secara beramai-ramai.

7. Betulkah الاجرام السماوية Itu Langit?

Sekarang kita kembali pula kepada penyesuaian langit dengan benda ke langit atau jirim samawiyah menurut astronomi dan kosmologi tadi. Sebelum membaca penerangan mengenai ini, anda perlu mengetahui lebih dulu suatu pengertian yang tepat mengenai jirim samawiyah yang disebut dalam bahasa Inggeris dengan *Celestial Bodies* (jasad cakerawala) itu. Di sini kita pergunakan takrif yang diberikan oleh Ake Wallenqusit. Menurut Jasad Cakerawala ialah "suatu istilah yang mengandungi matahari, bulan, planet, bintang dan lain-lain objek dalam semesta.[32]

Kalau anda membuat kajian terhadap ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis, hampir-hampir anda tidak akan menemui keterangan yang menyatakan bahawa apa yang dinamakan jirim samawaiyah itu sendiri ialah langit. Yang anda akan temui hampir keseluruhannya, benda-benda disebut dengan nujum dan musabih (bintang), al-kawakib dan al-jawari (planet), al-qamar (bulan) dan as-shams (matahari). Manakala kata-kata sama' digambarkan secara terasing dari benda-benda itu. Sebagai contoh dikemukakan beberapa firman Tuhan di bawah ini:

[32] The Penguin Dictionary of Astronomy Ake Wallenquist ms 46.

وَلَقَدْ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَجَعَلْنَٰهَا رُجُومًا لِّلشَّيَٰطِينِ ۖ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ ٱلسَّعِيرِ ﴿٥﴾

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit Yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) Dengan bintang-bintang, dan Kami jadikan bintang-bintang itu punca rejaman terhadap Syaitan-syaitan; dan Kami sediakan bagi mereka azab neraka Yang menjulang-julang. (Surah Al-Mulk: 5)

وَٱلسَّمَآءِ وَٱلطَّارِقِ ﴿١﴾ وَمَآ أَدْرَىٰكَ مَا ٱلطَّارِقُ ﴿٢﴾ ٱلنَّجْمُ ٱلثَّاقِبُ ﴿٣﴾

Demi langit dan "At-Taariq"; dan apa jalannya Engkau dapat mengetahui apa Dia "At-Taariq" itu? -(At-Taariq) ialah bintang Yang menembusi (sinaran cahayanya); (At-Taariq: 1-3)

إِنَّمَا تُوعَدُونَ لَوَٰقِعٌ ﴿٧﴾ فَإِذَا ٱلنُّجُومُ طُمِسَتْ ﴿٨﴾ وَإِذَا ٱلسَّمَآءُ فُرِجَتْ ﴿٩﴾

(Sumpah Demi sumpah) Sesungguhnya Segala Yang dijanjikan kepada kamu tetap berlaku. oleh itu, apabila bintang-bintang (binasa dan) hilang lenyap; dan apabila langit terbelah; (Surah Al-Mursalat: 7-9)

إِنَّا زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِزِينَةٍ ٱلْكَوَاكِبِ ﴿٦﴾

Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit Yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) Dengan hiasan bintang-bintang. (As-Shaffat: 6)

إِذَا ٱلسَّمَآءُ ٱنفَطَرَتْ ﴿١﴾ وَإِذَا ٱلْكَوَاكِبُ ٱنتَثَرَتْ ﴿٢﴾

apabila langit terbelah; dan apabila bintang-bintang gugur bertaburan; (Al-Infitar: 1-2)

أَلَمْ تَرَوْا۟ كَيْفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ طِبَاقًا ﴿١٥﴾ وَجَعَلَ ٱلْقَمَرَ فِيهِنَّ نُورًا وَجَعَلَ ٱلشَّمْسَ سِرَاجًا ﴿١٦﴾

"Tidakkah kamu mengetahui dan memikirkan Bagaimana Allah telah menciptakan tujuh petala langit bertingkat-tingkat, "Dan ia menjadikan padanya bulan sebagai cahaya serta menjadikan matahari sebagai lampu (yang terang-benderang), (Nuh: 15-16)

Dari ayat ini jelas bahawa bulan dan benda-benda yang sejenis dengannya yang mengeluarkan cahaya dari dirinya sendiri, semuanya bukanlah langit.

Dari keterangan ahli al-Haq tadi (muka 18) terbukti bahawa yang dimaksudkan dengan sama’ bukanlah bulan, matahari dan planet yang mengelilingi bumi tetapi adalah suatu benda yang lain.

Sekarang jelas tergambar adanya persamaan pandangan antara ahli al-Haq dan Al-Quran. Dalam pada itu pun tafsiran ahli al-Haq tadi masih belum memuaskan hati kita kerana terlampau banyak memelihara pendapat yang telah berdiri dalam masyarakat, manakala tafsiran ulama moden ternyata gelincirnya dari kebenaran dan merosakkan konsep iman generasi baru Islam. Kalau begitu, kita memerlukan sesuatu tafsiran baru yang lebih terus terang mengenai sama’ atau langit itu dan tafsiran inilah yang akan dipersembahkan dalam bahagia akan datang. Pembicaraan tentang sama’ ini merupakan mata rantai yang menyambungkan alam yang telah diketahui sekarang yang disebut dengan alam yang mengembang tadi dengan alam yang lebih tinggi, atau dengan kata-kata yang lain, ia seperti Kursi dan Arasy. Dengan tafsiran kita nanti, anda akan dapat melihat jelas bagaimana hubungan kita dengan sikap alami dalam zaman Islam yang pertama dan sikap alami yang disalutkan dengan sikap tabii dalam zaman pertengahan.

Bahagian 2

Bagaimana Sebenarnya Bentuk Alam Anda

Fasal 1
Alam Muluk

Sekarang kita mulai membicarakan apa yang menjadi tujuan bagi buku ini. Berdasarkan kawasan-kawasan, alam itu dapat dibahagikan sebagai berikut:

1. Alam Muluk: terdiri dari benda
2. Alam Malakut: Terdiri dari benda juga dan terbahagi pula kepada dua bahagian:

Rajah 4: Menunjukkan Tingkat-tingkat Alam Benda Yang Terdiri Dari Alam Muluk, Alam Barzakh Dan Alam Malakut Al-‘Ala

1. Alam Barzakh
Yang disebut juga dengan Alam Malakut Al-Asfal lebih besar dari alam muluk dalam radiusnya dan meliputinya dan Alam Malakut Al-Ala, lebih besar daripada alam barzakh dalam radiusnya dam meliputinya pula (lihat rajah 4)

Berdasarkan bahagian-bahagian di atas, seluruh alam tersebut dapat dibatasi demikian:

Alam Muluk: alam yang terletak di bawah lingkungan samak ad-dunia (langit rendah)

Alam Barzakh: Alam yang bermula dari sama' ad-dunia (langit rendah) sampai kepada kasrah alam (kulit alam) dan seterusnya sampai kepada jannah firdaus al-Ala yang terletak di bawah Arasy Majid

Alam Malakut Al-Ala: Alam yang terletak ke atas lagi bermula dari Arasy Majid terus kepada Alam Arasy-arasy dan alam hijab sampai kepada Arasy Azim.

Huraian kita seterusnya mengenai alam dalam bahagian ini adalah berdasarkan pembahagian-pembahagian di atas
Dan sekarang, dimulai huraian selanjutnya berhubung dengan alam muluk.

a. Batas Yang Dicapai Oleh Sains
Dalam fasal 3 bahagian 1 tadi telah dinyatakan bahawa bentuk alam atau semesta menurut ahli-ahli sains adalah bulat seperti belon getah yang sedang mengembang terdiri dari 10,000,000,000 galaksi.

Galaksi-galaksi itu berjalan ke segenap jurusnya dalam bentuk mengembang, meninggalkan oleh satu akan yang lain. Tiap-tiap sebuah galaksi itu berjalan dengan kecepatan yang berbeza berdasarkan dekat dan jauhnya. Yang dekat dengan kita, lambat perjalanan, manakala yang lebih jauh sedikit lebih cepat perjalanannya. Dan begitulah seterusnya yang paling jauh, yang paling cepat perjalanannya, sebagai contoh:
Galaksi yang jauhnya 30,000,000 tahun cahaya berjalan sederas 750 batu dalam 1 saat, yang jauhnya 800,000,000 tahun cahaya berjalan sederas 25000 batu dalam 1 saat dan seterusnya galaksi yang jauhnya tidak kurang daripada 5,000,000,000 tahun cahaya berjalan sederas 86000 batu dalam 1 saat.[33] Kerana cepat perjalanan, maka gemerlapan kelihatan hanya ¼ dibandingkan dengan gemerlapan yang sebenar kalau ia tinggal tidak bergerak. Cahaya berjalan dengan kecepatan 186000 batu dalam 1 saat. Andainya masih terdapat lagi galaksi yang jauhnya tidak kurang daripada 13,000,000,000 tahun cahaya, maka kecepatan perjalanannya melebihi

[33] Menurut Robert Jastrow, bahawa galaksi yang paling jauh dari kita berjalan sederas 150000 batu dalam 1 saat. Ini adalah suatu bukti adanya galaksi yang hamper sama cepatnya dengan perjalanan cahaya (lihat bukunya Red Giant and White Dwarfs ms 67)

kecepatan perjalanan cahaya itu, dan galaksi yang seperti ini tiada harapan lagi untuk dicapai oleh pancaindera manusia atau lebih khusus dilihat dengan mata menerusi teleskop. Ia memberikan pengertian bahawa radius semesta itu adalah sejauh 13,000,000,000 tahun cahaya sahaja. Sains tidak berkuasa lagi mengetahui apa yang ada di sebelah sana sempadan cahaya itu.[34]

Itulah tepi atau sempadan semesta setakat yang dapat diketahui menerusi teleskop. Andainya diperbesarkan lagi cermin teleskop ini, galaksi-galaksi yang berjalan melebihi kecepatan cahaya itu tiada harapan lagi untuk dilihat, kerana galaksi ini membawa bersamanya dan cahaya ini tiada akan sampai selamanya kepada kita.

Dahulu telah dinyatakan bahawa alam muluk ialah setakat apa yang dapat dicapai menerusi pancaindera tanpa membatasi setakat pancaindera kasar atau tidak meskipun sempada alam semesta tersebut tidak dapat dicapai oleh pancaindera kasar, yang bersempadan demikian masih termasuk dalam lingkungan dalam lingkungan alam muluk, kerana faktor seperti yang akan diterangkan satu demi satu nanti.

b. Alam Muluk Yang Tidak Terbatas?

Tidak mustahil di sebelah sana alam teleskop ini terdapat lagi galaksi-galaksi atau kumpulan galaksi yang tidak sampai lagi cahayanya kepada kita dan dibandingkan dengan menjadikan dimensi teleskop ini sebagai suatu alam kecil pula.[35]

Untuk mentafsirkan alam yang berada dalam serba kemungkinan itu, ahli-ahli sains sekarang nampaknya cenderung kembali ke arah menghidupkan semula pendapat C.V.L Charlie (1862-1934) seorang ahli astronomi moden, yang dikemukakannya dalam tahun 1908. Charlie hampir benar dalam pendapatnya bahawa alam semesta adalah terdiri dari sistem yang makin bertambah dimensinya. Bintang membentuk gugusan. Gugusan membentuk galaksi, galaksi membentuk kumpulan, dan kumpulan membentuk suatu meta galaksi (dua tingkat terakhir dalam urutan ini tidak diketahui dalam zaman Charlie. Seterusnya menurut Charlie, sistem itu mestilah terus menerus makin membesar hingga kepada tidak terbatas. Hannes Alfven dalam tahun 1966 menambah lagi di atas bentuk ini, iaitu di sana boleh jadi banyak pula meta galaksi yang lain dari kepunyaan kita bersama membentuk suatu sistem yang lebih besar yang diistilahkannya dengan tera galaksi.[36] Sejumlah besar dari tera galaksi membentuk pula suatu sistem yang lebih besar dan begitulah seterusnya *Ad Infinitum*[37] ertinya kepada tidak terbatas.

---

[34] Guide to Astronomy, James Muirden ms 47-251
[35] Dr Fuad Zakaria, Nazriatul Makrifat Wal Muaqafil Tabii Al-Insan, ms 17-18
[36] Tera daripada bahasa Greek, Teras ertinya ajaib atau raksasa.
[37] Worlds -antiworlds oleh Hannes Aliven ms 94-95

Kedua-dua pendapat di atas adalah berdasarkan bahawa seluruh semesta sampai kepada tidak terbatas tidak lain daripada merupakan biji-biji planet dan bintang yang bergabung pada kumpulan yang makin membesar dimensinya. Pendapat hasil dari akal ini dibangunkan atas asas yang bersifat wahami belaka.

3. Batas Kita Untuk Alam Muluk

Sampai adanya keyakinan berhubung dengan alam semesta yang berada di luar sempadan sains itu, hanya ada satu jalan sahaja yang mesti dilalui iaitu mengumpul dan menyesuaikan berita-berita yang bersumber dari alam atas. Dengan ini kita akan menemui suatu bentuk alam yang jauh sekali dari apa yang pernah tergambar dalam akal.

Dari sini seterusnya ke bawah, berita-berita yang bersumber dari alam atas inilah yang menjadi bahan kita untuk membangunkan suatu bentuk alam dengan menunggalkan semua sekali teori-teori dan hipotesis ahli sains,

Ayat-ayat Al-Quran, hadis nabawi, kata-kata ulama salafussoleh dan kata ahli al-Haq semuanya menunjukkan bahawa ardh bererti bumi, dan samak bererti langit adalah dua kata-kata yang relatif. Kata-kata ardh kadang-kadang menunjukkan planet kita yang kecil ini dan kadang-kadang menunjukkan suatu konsep yang lebih luas, semesta atau alam muluk. Dengan ini membuktikan adanya ardh dengan khas dan ardh dengan erti am. Manakala kata-kata as-samak pula kadang-kadang menunjukkan jisim ketara (محسوس) yang meliputi alam muluk itu dan kadang-kadang menunjukkan jisim ketara (محسوس) yang lebih tinggi lagi dan anda akan melihat kedua-dua perkataan ini akan berubah konsepnya bila membicarakan tentang alam yang lebih tinggi.

Sekarang kita bincangkan tentang kata-kata ardh dengan erti am itu. Dari apa yang tersirat dari kata Wabah bin Manabah radiallahuanhu, salah

Seorang dari ulama salafussoleh membuktikan bahawa apa yang ahli sains namakan alam yang mengembang itu sebenarnya baru suatu ardh (bumi) sahaja dari tujuh aradhun (bumi-bumi) yang diistilahkan dengan sab'a aradhin (tujuh bumi), sebagaimana kata Wahab sewaktu ditanya orang bagaimanakah aradhun itu? Ia menjawab:

هي سبع ارضين ممهدة جزائر بين كل ارض بحر[38]

Ertinya ia adalah tujuh bumi yang berbintang sebagai pulau-pulau di antara tiap-tiap satu bumi terdapat suatu laut. Perkataan laut di sini ditujukan kepada ruang angkasa. Andainya dikatakan sab'a aradhin itu adalah tujuh planet, tidak akan sesuai pula dengan keterangan seterusnya nanti.

[38] Disiarkan oleh Abu Jaafar Muhammad bin Jarir Al-Thabri dalam bukunya yang terkenal, dengan ;Tarikh Al-Thabri' Jilid 1 ms 41.

Dengan ini pengertian ‘bumi; itu sama dengan ‘kumpulan’ dalam bentuk Charlie tadi dan sab’a aradhin pula sama dengan kumpulan yang membentuk suatu meta galaksi.

Rajah 5: Bentuk 1 sebelah kanan ialah bentuk alam menurut Charlie[39] yang tertanda A ialah bulatan salah satu dari gugusan galaksi dengan titik di dalamnya merupakan galaksi itu. Yang bertanda B ialah bulatan salah satu dari kumpulan galaksi dan yang bertanda C ialah bulatan bagi meta galaksi. Bentuk 2 di sebelah kiri ialah bentuk alam muluk menurut Wahab bin Manbah. Yang bertanda A ialah salah satu dari tujuh alam berkembang dengan titik-titik di dalamnya merupakan galaksi dan kumpulan galaksi. Pada tingkar ini alam yang berkembang itu menjadi salah satu dari tujuh bumi. Yang bertanda B ialah al-Haikal (kerangka) bagi alam tujuh bumi itu yang juga menjadi langit baginya. Jarak di antara satu-satu bumi itu dan di antara bumi-bumi semua dan al-Haikal tentulah tidak sama dengan yang tergambar dalam rajah ini.

Sab’a aradhin ini menurut Wahab bin Manbah, terletak dalam suatu wadah yang diistilahkan dengan al-Haikal ertinya kerangka sebagaimana katanya seterusnya:

والبحر محيط بذلك كله والهيكل من وراء البحر[40]

---

[39] Rajah bentuk alam menurut Charlie itu disalin dari rajah yang dibuat oleh George Gamow sebagai salah satu seorang dari sidang pengarang yang diketuai oleh Milton K. Munitz dalam bukunya Theories of The Universe, ms 392.

[40] Ibid

Ertinya: Dan laut (lautan) meliputi semua sab'a aradhin itu, manakala Haikal di sebelah sana laut itu.

Dengan keterangan di atas bererti sab'a aradhin (tujuh bumi) itu sama dengan tujuh alam yang mengembang.

Manakala Haikal (kerangka) pula, inilah yang diistilahkan dengan as-sama ad-dunia (langit rendah) atau as-sama al-awwali (langit yang pertama) atau as-saqaf al-mahfuz (ungkapan yang terpelihara) sebagaimana firman Allah:

وَجَعَلْنَا ٱلسَّمَآءَ سَقْفًا مَّحْفُوظًا ۖ

Ertinya: dan Kami telah menjadikan langit sebagai bumbung Yang terpelihara dan terkawal (Al-Anbiya':32)

sekarang selesai suatu masalah yang telah sekian lama tinggal tidak terhurai mengenai kata-kata sebahagian dari jumhur mufsarin mengenai bumi-bumi.

انها سبع أرضين متفرقة في البحار وتظلها سماء واحد[41]

Ertinya: Sesungguhnya ialah tujuh bumi yang terbahagi dalam laut-laut dan dibayangi oleh langit yang satu.

d. Al-Jabal

Di antara tiap-tiap satu bumi dan langit rendah tersebut ada lagi suatu lapisan alam yang perlu disebut di sini, diistilahkan dengan jabal ertinya gunung. Tentu anda akan merasa sukar hendak menerima pengertian kata-kata jabal dalam bentuk suatu lapisan alam, kerana selama ini anda mengetahui bahawa kata-kata ini menunjukkan kepada suatu benda yang amat besar tersergam tinggi di atas pengertian itu perlu di ketengahkan semula kerana ia adalah suatu kenyataan yang telah lama dilupakan. Kata-kata jabal serupa juga dengan kata-kata ardh dan samak tadi, suatu kata yang relatif, dari menunjukkan gunung yang terpacak di muka bumi sampai kepada lapisan alam sekarang dan beberapa lapisan alam lagi seperti yang akan diterangkan.

Jabal (gunung) itu biasa disebut nama penuhnya dengan Jala Al-Qaf ertinya Gunung Qaf dan dalam bahasa kita lebih terkenal dengan bukit qaf. Bila menyebut nama ini, biasanya orang segera teringat kepada pergunungan Causcasus yang terletak di sempadan Turki dan Rusia. Yang dimaksudkan di sini ialah gunung yang diberikan takrifnya oleh beberapa ulama salaf sebagai berikut:

جبل محيط بجميع الاءرض

[41] Dipetik oleh Hafni Ahmad dalam kitabnya Tafsir Alami Lil Ayat Al-Kawaniatu Fi Al-Quran ms 127

Ertinya: gunung yang meliputi seluruh bumi[42]. Terletak suatu bumi, jadinya untuk tujuh bumi terdapat tujuh gunung qaf dan semuanya terdiri dari permata zamrud hijau.

Tanpa ragu-ragu lagi, inilah Jabal Qaf yang dimaksudkan oleh Al-Imam Al-Ghazali dengan katanya:

وقيل ان السماء الدنيا أشد بياضا من اللبن وانما أخضرت من خضرة جبل قاف[43]

Ertinya: Dan adalah dikatakan bahawa langit rendah jauh lebih putih daripada susu dan sebenarnya ia kelihatan dari bawah berwarna hijau ini adalah salah satu bukti bahawa langit yang digambarkan itu bukanlah langit di atas kepala kita sekarang, kerana langit ini kelihatan berwarna biru.

Menimbang kepada akal manusia zaman purba yang kebanyakan memandang sesuatu dari sikap tabii, maka ulama salaf dan ahli al-Haq biasanya menggambarkan Jabal Qaf itu mereka menurunkan darjah konsep bumi.

Dari suatu ilmu alam yang berkembang kepada planet bumi tempat manusia tinggal sekarang, kemudian menggambarkan pula menurut anggapan orang ramai bahawa planet bumi ini keadaannya terhampar. Dari sini mereka memberikan pengertian bahawa Jabal Qaf itu merupakan suatu banjaran gunung yang melingkungi beberapa permukaan bumi yang terhampar sebagai suatu lingkaran. Manakala langit pula merupakan suatu benda transparensi yang melengkung sebagai kubah di antara Jabal Qaf tersebut.[44]

Bila dipandang dari sikap alami, jelas bahawa Jabal Qaf itu bukanlah demikian. Ia merupakan suatu wadah bulat seperti yang telah diterangkan tadi. Dengan pengertian ini, kita dapat memahami mengapa dalam Al-Quran kata-kata Jabal kadang-kadang disebut sejajar dengan kata-kata as-samawatun dan al-ardhun.

---

[42] Dipetik oleh Ibnu Katsir dalam kitabnya yang terkenal dengan Tafsir Ibnu Katsir Jilid 4, ms 221. Menurut ulasan konsep gunung demikian yang diriwayatkan dari ulama salaf itu adalah dari Israeliyat (dongeng Israel). Tetapi menurut hemat penulis fakta demikian masih belum sampai untuk dicopkan demikian. Adalah mendukakan bahawa banyak orang membuat sesuatu tuduhan menurut ukuran yang subjektif.

[43] Al-Imam Al-Ghazali dalam Kitabnya 'Mukasyafatul Qulub' ms 80.

[44] Berdasarkan konsep seperti itu, ada orang memberikan takrif jabal qaf sebagai berikut: "Gunung hijau yang melingkari dunia" (lihat tanwir al-muqiyas min tafsir ibnu Abbas ms 324). Manakala Al-Arif Billah Ahmad bin Muhammad Al-Shawi memberikan takrif demikian: "Dan adalah dikatakan ia (Qaf) adalah suatu gunung yang meliputi bumi dari permata zamrud hijau menjadi hijau langit kerananya, dan di atas terletak dua birai langit dan langit yangterletak di atas melengkung dalam bentuk kubah. Dan permata zamrud yang sampai kepada manusia adalah berasal dari yang berjatuhan dari gunung itu" (Lihat Hasyiah Tafsir Jalalain Jilid 4 ms110)

e. Gambaran Yang Lengkap Bagi Alam Muluk
Dari fakta-fakta yang telah diterangkan di atas, alam muluk itu dapatlah digambarkan sebagai suatu alam yang terdiri dari bulan-bulan termasuk bulan kita, planet-planet termasuk bumi kita, bintang-bintang termasuk matahari kita, gugusan bintang, galaksi, kumpulan galaksi yang semuanya menjadi suatu bulatan alam yang mengembang yang dinamakan ardh (bumi). Terletak dalam bulatan yang lebih besar dinamakan Jabal Qaf.

Bumi yang demikian berjumlah tujuh buah yang bererti tiap-tiap satunya terletak dalam tujuh bulatan Jabal Qaf dan semuanya pula terletak dalam suatu bulatan yang lebih besar yang dinamakan Haikal (kerangka) atau langit rendah yang tersebut.

Oleh sebab Jabal Qaf itu tidak mengembang, mungkin pada suatu masa nanti, kalau tidak didahului oleh kiamat, bila manusia dapat mereka teleskop gergasi, mereka akan dapat melihat sempadan alam semesta mereka yang meliputi dari segenap segi, tetapi ini masih belum 'langit rendah', hanya baru Gunung Qaf.

Muka-muka anda tidak akan terperanjat kalau dikatakan bahawa tujuh Gunung Qaf itu mengembang pula, yang satu meninggalkan yang lain, menuju ke arah Haikal tersebut (Lihat Rajah 6). Fakta ini disokong oleh keterangan Mujahid bin Jabar di bawah ini.

f. Alam Muluk Sebagai Suatu Al-Ardhu
konsep kata-kata al-ardhu (bumi) berubah lagi kepada yang lebih besar, Tujuh Gunung Qaf tersebut sebagai suatu keseluruhan disebut pula dengan kata-kata tunggal. Bumi yang dibandingkan oleh Mujahid dengan khemah sebagaimana katanya:

هذه الاءرض الي تلك مثل الفسطاط ضربته في فلاة[45]

Ertinya: Bumi ini dibandingkan dengan (langit yang pertama dari tujuh lapis langit) seumpama khemah yang kamu pasangkan di padang pasir yang luas.

Kata-kata khemah yang dimaksudkan oleh Mujahid itu tentulah bukan bumi tempat kita tinggal sekarang kerana khemah itu mengandungi erti membuka atau mengembang sedangkan bumi kita tidak demikian. Dengan ini bererti pada asalnya ia maksudkan Tujuh Gunung Qaf yang mengembang itu, oleh sebab ketujuh-tujuhnya adalah sama sahaja. Mujahid kira sebagai satu dengan ini alam muluk itu disebut juga dengan bumi dan bumi dengan pengertian inilah yang bertentangan secara langsung dengan langit rendah (السماء الدنيا).

[45] Disiarkan oleh Abu Jaafar Muhammad bin Jarir Al-Thabari dalam kitabnya Jamaiul Bayanu Fi Tafsir Al-Quran Jilid 28 ms 99.

Rajah 6: Rajah di sebelah kanan yang bertanda A menggambarkan alam yang mengembang atau bumi terletak dalam bulatan Jabal Qaf yang bertanda B.
Rajah sebelah kiri yang bertanda A menunjukkan tujuh Jabal Qaf yang mengembang terletak dalam bulatan Haikal yang bertanda B

Fasal 2
Alam Barzakh

1. BUMINYA

Langit rendah (السماء الدنيا) atau langit yang pertama (الأولى) yang tersebut itulah permulaan batas alam malakut Al-Asfal ertinya Alam Malakut Bawah (الأسفل) yang dinamakan juga dengan Alam Barzakh. Ia disifatkan sebagai berwarna putih jauh lebih putih daripada susu[46]. Gambaran lain menyatakan bahawa ia lebih putih daripada perak[47] serta mempunyai sinar yang menyilaukan mata[48]. Langit rendah ini adalah siri yang pertama dari tujuh langit yang amat terkenal itu.

1. Semuanya Dalam Langit Rendah

Alam Muluk atau bumi tadi diliputi seluruhnya oleh langit rendah dalam bentuk bulat seperti bola. Segala benda yang membentuk alam muluk itu seperti gunung-gunung Qaf, alam yang mengembang, kumpulan galaksi, galaksi-galaksi, bintang-bintang termasuk bulan kita, bintang berekor, ruang angkasa antara benda-benda itu dan yang meliputi seluruhnya. Udara, awan, awan yang membawa hujan dan lain-lain semuanya terkandung dalam langit (Lihat Rajah 7)

2. Langit Rendah Di Antara Dua Sikap

Supaya lebih terang dan meyakinkan, ingin rasanya diperlebar sedikit ruangan yang sangat terbatas ini untuk kajian mengenai langit rendah.
Bila telah tergambar dalam fikiran anda konsep langit rendah di atas dengan senang sahaja anda akan dapat perbezaan mana kata-kata yang bersikap alami dan bersikap tabii. Di bawah ini dipetik beberapa ayat Al-Quran, hadis nabawi dan kata-kata ahli al-Haq mengenai itu.

Sayyidi Ahmad bin Mubarak dalam kitabnya Al-Abriaz menerangkan bahawa pernah menceritakan kepada maha gurunya, sisi Abdul Aziz Ad-Duba' salah seorang dari ahli al-Haq mengenai pendapat-pendapat ahli astronomi (ahli nujum) bahawa bintang tetap adalah terletak di dalam falak ul Atsman, Ertinya: Dari mana mereka mengambil pendapat penduduk semacam ini? Ertinya: Mereka membuat tentang hipotesis demikian dari memerhati terhadap perbezaan perjalanan bintang tetap dengan perjalanan tujuh planet. Mahagurunya lintas berkata:

---

[46] Disifatkan oleh Al-Imam Al-Ghazali dalam kitabnya Muqasyafah Qulub ms 80 dan Syeikh Abdul karim bin Ibrahim Al-Jili dalam Insan kamil Jilid 2 ms94.
[47] Syeikh Abdul karim bin Ibrahim Al-Jili dalam sumber yang sama ms 95
[48] Ini adalah gambaran Al-Quran yang berbunyi, Dia lah Yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit Yang berlapis-lapis; Engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan Yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika Engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - Dapatkah Engkau melihat sebarang kecacatan? kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia).

Rajah 7: Langit rendah dipandang dari luar atau pandangan menurut muluk terletak di dalam peraturan.

ليس كما ظنوا, النجوم كلها في السماء الدنيا

Ertinya: Bukan sebagaimana yang mereka sangka itu, bintang-bintang seluruhnya adalah terletak dalam langit rendah.[49]

Mengenai mikraj rasulullah sallallahu alaihi wassalam, Ibnu Abbas berkata:

ورأيت النجوم متعلقات كتعليق القناديل في المسجد,اصغر ما يكون منها اكبر من جبل عظيم. ثم صعد بي الي السماء الدنيا في أسرع من طرفة عين [50]

[49] Sini Ahmad bin Mubarak 'Al-Abriaz' ms 323

Ertinya: dan berkata (Jibrail) Naiklah hai Muhammad! Maka aku pun naik bersama Jibrail, dan aku melihat bintang-bintang bergantungan seperti lampu-lampu bergantungan dalam masjid, yang paling kecil di antaranya (bintang) kelihatan lebih besar dari gunung yang agung. Kemudian (Jibrail) naik bersama aku kepada 'langit rendah' dalam tempoh lebih cepat dari sekelip mata.

Di atas adalah dua contoh dari sikap alami yang digambarkan kepada orang-orang zaman dulu mengenai 'langit rendah'. Kedua-dua contoh ini tidak menyebut galaksi dan kumpulan galaksi dan lain-lain, kerana masih menimbang terhadap tingkah pengetahuan orang ramai pada zaman itu. Contoh nombor 50 di atas menggambarkan kepada kita bahawa ketika rasulullah sallallahu alaihi wassalam melihat bintang-bintang itu, ia telah sedia keluar jauh ke atas daripada sistem matahari manakala langit rendah masih jauh ke atas langit. Sekarang sila bacakan pula petikan di bawah:

1. Tuhan berfirman:

وَلَقَدۡ زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ

dan Demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit Yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan lampu-lampu (bintang-bintang yang bercahaya) (Al-Mulk: 5)

2. Tuhan berfirman

إِنَّا زَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِزِينَةٍ ٱلۡكَوَاكِبِ ﴿٦﴾

Sesungguhnya Kami telah menghiasi langit Yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) Dengan hiasan bintang-bintang. (As-Shaffat: 6)

3. Berkata Najmuddin Al-Ghaithi membicarakan Mikraj rasulullah sallallahu alaihi wassalam:

فلما نزل الي سماء الدنيا نظر الي أسفل منه فاذا هو برهج ودخات وأصوات, فقال, ما هذا يا جبريل؟ فقال, هذه الشياطين يجومون علي عيون بني ادم لا يتفكرون في ملكوت السموات والاءرض, ولو لا ذلك لروءا العجائب[51]

---

[50] Al-Imam Ibnu Abbas radiallahuanhu. "Al-Israk Wal Mikraj ms 7. Patut dinyatakan di sini bahawa Ibnu Abbas setahu kita tidak pernah mengarang sesuatu risalah atau buku, apa yang dinyatakan sebagai karangan ini nampaknya ialah keterangan yang lanjut berhubung dengan Al-Israk dan Al-Mikraj yang dicetak dalam zaman yang kemudian dan diberikan nama Ibnu Abbas sebagai pengarangnya.

[51] Najmuddin Al-Ghathi 'Qisatul Mikraj' pada Hamasy Kitab 'Hasyiah ali qisathul Mikraj' ms 34

Ertinya: Maka manakala turunlah ia (rasulullah sallallahu alaihi wassalam) kepada langit rendah, ia memandang ke bawah tiba-tiba di dapatinya asap yang banyak dan suara-suara yang mengerikan. Lalu ia bertanya: Apakah ini hai Jibrail? Jawab Jibrail: Inilah para syaitan yang mengelilingi mata-mata hati Bani Adam, mereka tidak berfikir mengenai alam langit dan bumi, dan andainya tidak demikian keadaannya nescaya mereka melihat keajaiban itu.

4. Ibnu Abbas berkata pula mengenai riwayat mikraj itu:

و لم أزل أنزل من سماء إلى سماء فما مررت على شئ فى السماوات إلا وهو يقول : لا اله إلا الله محمد رسول الله فلما انتهينا إلى السماء الدنيا إذا الليل على حاله لم يتقدم ولم يتأخر فركبت وأتيت إلى مكة[52]

Ertinya: dan begitulah seterusnya aku turun dari suatu langit kepada suatu langit. Bila sahaja aku melalui tiap-tiap suatu dalam langit-langit itu terdengarlah perkataan la ilaha illallah, Muhammadun rasulullah. Maka bila kami sampai kepada langit rendah tiba-tiba (kami dapati) malam masih dalam keadaan tidak dulu dan tidak kemudian, maka aku pun menunggang (buraq) dan tiba di Mekah.

5. Suatu hadis daripada Abu Hurairah berbunyi demikian:

ينزل ربنا تبارك وتعالى كل ليلة إلى السماء الدنيا حين يبقى ثلث الليل الآخر فيقول: من يدعوني فأستجيب له، ومن يسألني فأعطيه، ومن يستغفرني فأغفر له[53]

Ertinya: Setiap malam Allah Tabaraka Wa Taala turun ke langit rendah ketika sepertiga yang akhir dari malam, sambil berkata: Sesiapa yang meminta dariku, aku akan memberinya dan sesiapa yang memohon ampun dariku, aku akan mengampuninya.

Petikan-petikan di atas adalah di antara contoh dari sikap tabii atau sikap biasa manusia terhadap langit rendah. Contoh-contoh nombor 1 dan 2 pada hakikatnya menggambarkan sikap alami, tetapi kerana dihubungkan dengan perhiasan, maka kedua-duanya termasuk dalam sikap tabii, sebab bintang-bintang dan planet hanya menjadi perhiasan bagi pandangan manusia dari bawah setakat lapisan udara yang digelar lapisan ozon sahaja yang tingginya kira-kira 1000 kilometer dari permukaan bumi. Dalam lapisan ini kita melihat langit berwarna biru, kerana molekul udara yang di pukal oleh cahaya matahari melahirkan warna itu. Manakala bintang-bintang dan planet pula pada waktu malam kelihatan sebagai permata kuning yang bertebaran pada permaidani biru itu. Tetapi ke atas lagi lapisan ozon ini ruang angkasa adalah gelap dan bintang-bintang dan

[52] Al-Imam Ibnu Abbas radiallahuanhu, 'Al-Isra Wal Mikraj' ms 43
[53] Dipetik dari Al-Athafatul Tsaniah Fil Ahadist Al-Qudsiah oleh Al-Syeikh Al-Alamah Muhammad Madani Quddusullahu sirruh ms 292

planet berkerdip dalam gelap pekat itu, bukan indah lagi bagi pemandangan dan oleh itu ia tidak menjadi perhiasan. Sebab ini langit rendah yang digambarkan oleh dua ayat Al-Quran di atas adalah bersikap tabii. Tujuan tuhan ialah menarik perhatian manusia biasa ke arah keindahan alam yang disediakan untuk mereka sebagai nikmat daripadanya.

Manakala contoh-contoh nombor 3, 4 dan 5 tiada memerlukan huraian lagi, anda dapat memahami sendiri dengan jelas bahawa langit rendah yang dimaksudkan ialah dari segi sikap tabii itu, serupa dengan firman tuhan dalam surah Nuh ayat 19:

Maksudnya terhampar pada pandangan mata biasa, tetapi bukan begitu hakikatnya. Seterusnya tentang konsep turunnya tuhan ke langit rendah dalam contoh nombor 5 itu terpulanglah kepada alam ketuhanan, bukanlah tempatnya untuk dibicarakan di sini. Hanya ditekankan di sini Cuma pengertian langit rendah itu yang pada anggapan manusia terletak jauh dari permukaan bumi tempat tinggal mereka.[54]

---

[54] Bila perbezaan antara sikap alami dan sikap tabii berhubung dengan langit itu telah terang tergambar dalam fikiran, dengan mudah sahaja anda dapat memahami ayat-ayat Al-Quran di bawah ini:

1. Surah Al-An'am ayat 125

وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِى ٱلسَّمَآءِ ۚ

dan sesiapa Yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya).

2. Surah Luqman ayat 10

وَأَنزَلْنَا مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً ۚ

dan Kami menurunkan hujan dari langit,

3. SurahAl-Qamar ayat 11

فَفَتَحْنَآ أَبْوَٰبَ ٱلسَّمَآءِ بِمَآءٍ مُّنْهَمِرٍ ﴿١١﴾

maka Kami bukakan pintu-pintu langit, Dengan menurunkan hujan Yang mencurah-curah.

4. Surah At-Thoriq ayat 11.

وَٱلسَّمَآءِ ذَاتِ ٱلرَّجْعِ ﴿١١﴾

Demi langit Yang berulang-ulang mencurahkan hujan,

5. Surah Ar-Rum ayat 48

ٱللَّهُ ٱلَّذِى يُرْسِلُ ٱلرِّيَٰحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَيَبْسُطُهُۥ فِى ٱلسَّمَآءِ كَيْفَ يَشَآءُ

Allah jualah Yang menghantarkan angin, lalu angin itu menggerakkan awan; kemudian Allah menyebarkan awan itu di langit sebagaimana Yang dikehendakiNya

6. Surah Al-Ghasyiah ayat 17-20

أَفَلَا يَنظُرُونَ إِلَى ٱلْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ ﴿١٧﴾ وَإِلَى ٱلسَّمَآءِ كَيْفَ رُفِعَتْ ﴿١٨﴾ وَإِلَى ٱلْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ ﴿١٩﴾ وَإِلَى ٱلْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ ﴿٢٠﴾

(Mengapa mereka Yang kafir masih mengingkari akhirat) tidakkah mereka memperhatikan keadaan unta Bagaimana ia diciptakan? dan keadaan langit Bagaimana ia ditinggikan binaannya.? dan keadaan gunung-ganang Bagaimana ia ditegakkan? dan keadaan bumi Bagaimana ia dihamparkan?

3. Langit Rendah Dipandang Dari Dua Aspek

Dari seluruh keterangan di atas, jelas tergambar bahawa langit rendah itu dipandang dari dua aspek dari luar dan dalam.

Dari aspek luar ialah pandangan dari sikap alami manakala dari aspek dalam adalah pandangan dari sikap tabii. Menurut pandangan dari aspek luaran, langit rendah ialah kulit pertama yang membalut seluruh alam di dalamnya sedangkan bila dipandang dari aspek dalam, langit rendah ialah apa yang tiada di atas permukaan bumi pada kawasan yang paling rendah.

Menerusi pandangan dari aspek dalam inilah orang membuat takrif langit seluruhnya dengan ‘tiap-tiap yang di atas engkau’ suatu takrif dari segi bahasa yang diambil dari pengertian manusia biasa terhadap langit. Tetapi sebagaimana yang telah dikatakan tadi bahawa pandangan dari sikap tabii ini tidaklah dipilih oleh ahli Al-Haq yang memandang dari sebaliknya. Serupa dengan orang memandang bumi dari jendela rumahnya, akan terbentang de depan matanya terhampar keadaannya. Tetapi ahli astronomi yang memandang bumi itu bulat adalah sebagai pandangan seorang yang berada dalam kapal angkasa yang sedang berada jauh di angkasa luar. Seterusnya bila seseorang itu telah memahami langit rendah secara pandangan dari luar tersebut, meskipun ia berada di dalamnya, barulah ia mengerti maksud perkataan langit yang dimaksudkan dalam agama.

4. Langit Rendah Yang Berbentuk Bulat.

Di atas tadi telah diterangkan bahawa langit rendah adalah berbentuk bulat seperti bola. Ini bererti penulis telah memberikan suatu gambaran yang bertentangan dengan sabda rasulullah sallallahu alaihi wasallam yang menyatakan bahawa langit berbentuk seperti kubah. Bila anda telah memahami perbezaan antara sikap alami dan sikap tabii, perbezaan antara dua bentuk itu tidaklah menjadi suatu masalah.

Semua ayat di atas adalah di antara contoh-contohlangit menurut sikap tabii. Tiada perlu penerangan lanjut lagi, kemudian sila baca beberapa ayat lagi di bawah ini

1. Surah Nuh ayat 11

يُرْسِلِ ٱلسَّمَآءَ عَلَيْكُم مِّدْرَارًا ﴿١١﴾

(Sekiranya kamu berbuat demikian), ia akan menghantarkan hujan lebat mencurah-curah, kepada kamu;

2. Surah Al-An’am ayat 6

وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا

dan Kami turunkan hujan atas mereka Dengan lebatnya

Berhubung dengan berbentuk bulat itu Sayyidi Ahmad bin Mubarak memetik perkataan maha gurunya Sayyidi Abdul Aziz Ad-Dabagh yang berbunyi:

قال انا اذا قلنا في البرزخ ابتداءوه من السماء الدنيا علي الصفة السابقة فلنسنا نعني انه لايكون الا من ناحية روءسنا بل ويكون من تحت أرجلنا لاءن السماء محيطة بالاءرض وكل سماء محيطة بما في جوفها والعرش محيطة بالجميع[55]

Ertinya: (Maha guru) berkata, bahawa bila kami berkata mengenai alam barzakh bermula dari langit rendah menurut gambaran yang telah dinyatakan tadi, maka yang kami ertikan tiada lain melainkan ia berada di pihak di atas kepala kita, malah seterusnya berada di pihak bawah kaki kita kerana langit adalah meliputi seluruhnya. Perkataan 'bumi' yang disebut oleh Ad-Dabagh itu mempunyai dua kemungkinan, bumi dengan erti khas, tempat tinggal kita, atau bumi dengan erti am, tujuh Jabal Qaf yang tersebut di atas. Bila melihat kepada kata-katanya bahawa: Bintang seluruhnya adalah terletak dalam langit rendah, maka yang dimaksudkan dengan kata-kata bumi sekarang, jelas tujuh gunung qaf itu. Oleh itu, langit yang dimaksudkan sebagai meliputi bumi itu tidak ragu-ragu lagi ialah langit rendah seperti yang kita gambarkan di atas. (Lihat rajah 6)

Bentuk bulat seperti bola bagi langit rendah menurut sikap alami ini dinyatakan pula oleh Muhyiddin Ibnu Arabi demikian:

اعلم ان العرش أحاط بالعالم لاستدارته بما أحاط به من العالم. وكل ما أحاط به فيه الاستدارة ظاهرة, حتى في المولدات. وانظر في تشبيه النبي النبي صلى الله عليه وسلم في الكرسي: انه في جوف العرش كحلقة في فلاة من الاءرض. فشبهه بشكل مستدير وهو الحلقة والاءرض. وكذلك شبه السموات في الكرسي كحلقة[56]

Ertinya: ketahuilah bahawa Arasy adalah meliputi alam kerana membulatnya menurut bentuk alam yang diliputinya. Dan tiap-tiap apa yang ada dalam liputannya iaitu berbentuk bulat, sampai kepada benda-benda kelahiran dari benda lain. Dan lihatlah kepada perbezaan Nabi Sallallahu alaihi wasallam mengenai Kursi, bahawa ia terletak dalam perut Arasy seperti sebentuk cincin terletak di padang pasir yang luas dari bumi, maka ia membandingkan (Kursi) dengan bentuk bulat iaitu cincin dan bumi. Juga dia membandingkan langit-langit dalam Kursi itu seperti cincin. Perbandingan bentuk alam dengan halaqah (cincin) itu, bukanlah bererti alam itu bulat dengan satu dimensi seperti cincin. Yang dikehendaki oleh Nabi sallallahu alaihi wasallam hanya bentuk bulat sahaja. Alam satu dimensi seperti ini mustahil adanya dalam kenyataan. Kalau falsafah mengenai alam benda yang terdiri dari tiga dimensi (panjang, lebar dan dalam) dipergunakan

---

[55] Sayyidi Ahmad Al-Mubarak "Al-Abriaz' ms 319

[56] Muhyiddin bin Arabi 'Al-Fatuhatul Makiah' Jilid 2, ms 436

untuk mentafsirkan perbandingan ini, maka akan segera tergambar dalam fikiran kita bahawa yang dimaksudkan oleh rasulullah sallallahu alaihi wasallam dengan bentuk cincin itu tidak lain lagi dari berbentuk bulat.

Ada pula orang yang mentafsirkan bahawa maksud rasulullah sallallahu alaihi wasallam membandingkan alam dengan bentuk cincin itu ialah sekiranya semua alam itu dilebarkan dan disambungkan menjadi suatu bentuk rata dan bulat seperti cincin.

5. Sab'a Samawat (سبع سموات)

Sekarang kita kembali sekejap kepada alam muluk. Meskipun begitu sekali besarnya alam muluk atau bumi yang terdiri dari tujuh gunung qaf yang di dalamnya terdapat tujuh alam yang mengembang, ia menjadi alam kecil pula terletak dalam ruang angkasa langit rendah. Ia dibandingkan oleh Mujahid dengan '‘khemah’ yang terletak di tengah-tengah padang pasir yang luas. Padang pasir yang luas ini gambaran bagi radius langit rendah itu. Kemudian langit rendah ini bersama alam muluk yang di dalam perutnya itu merupakan suatu bulatan alam kecil yang terletak dalam ruang angkasa langit yang kedua yang jauh lebih besar dalam radiusnya. Langit kedua ini bersama alam yang di dalam perutnya merupakan suatu bulatan alam kecil pula terletak dalam ruang angkasa langit ketiga yang jauh lebih besar dalam radiusnya. Langit yang ketiga ini bersama dengan alam-alam yang di dalam perutnya merupakan suatu bulatan alam yang kecil terletak dalam ruang angkasa langit keempat yang jauh lebih besar dalam radiusnya. Langit yang ketiga ini bersama dengan alam-alam yang di dalam perutnya merupakan suatu bulatan alam yang kecil terletak dalam ruang angkasa langit keempat yang jauh lebih besar dalam radiusnya. Langit yang keempat ini bersama dengan alam-alam yang di dalam perutnya merupakan suatu bulatan alam yang kecil terletak dalam ruang angkasa langit kelima yang jauh lebih besar dalam radiusnya. Langit yang kelima ini bersama dengan alam-alam yang di dalam perutnya merupakan suatu bulatan alam yang kecil terletak dalam ruang angkasa langit keenam yang jauh lebih besar dalam radiusnya. Langit yang keenam ini bersama dengan alam-alam yang di dalam perutnya merupakan suatu bulatan alam yang kecil terletak dalam ruang angkasa langit ketujuh yang jauh lebih besar dalam radiusnya.

Keterangan sepenuhnya oleh Mujahid berhubung dengan Sistem ‘Tujuh Langit’ ini berbunyi demikian”

هذه الاءرض الى تلك مثل القسطاط ضربته في فلاة, وهذه السماء الى تلك حلقة رميت بها في أرض فلاة[57]

Ertinya: Bumi ini dibandingkan dengan itu (langit yang pertama dari tujuh lapis langit) seumpama khemah yang kamu pasangkan di padang pasir yang luas, dan langit ini dibandingkan

[57] Disiarkan oleh Abu Jaafar Muhammad bin Jarir At-Thabri dalam kitabnya “Jamiul Bayanu Fi Tafsir Al-Quran’ Jilid 28 ms 99

dengan langit itu, seumpama sebentuk cincin yang kamu campakkan pada tanah padang pasir yang luas.

Tiap suatu lapisan langit tersebut ada dengan nama-nama tertentu: Langit rendah dinamakan ‘barqa’, langit kedua dinamakan ‘fidum’, langit ketiga dinamakan ‘awan’, langit keempat dinamakan ‘arqalun’ langit yang kelima dinamakan ‘ratqa’, langit keenam dinamakan ‘faqa’ dan langit ketujuh dinamakan ‘ghariba’[58]

Gambaran dengan jelas dalam fikiran anda konsep Tujuh Langit Berlapisan di atas dengan Tujuh Gunung Qaf di tengah-tengah dan dalam perutnya pula terdapat Tujuh Alam Yang Mengembang. Terdiri dari benda-benda yang mengeluarkan cahaya dari dirinya sendiri seperti bintang termasuk matahari kita, juga terdiri dari benda-benda yang mengambil cahaya dari yang lain seperti planet termasuk bumi kita dan bulan. Kemudian, baca ayat Al-Quran di bawah, anda akan mengerti dengan segera tujuan tanpa memerlukan huraian dari surah Nuh Ayat 15-16.

أَلَمۡ تَرَوۡاْ كَيۡفَ خَلَقَ ٱللَّهُ سَبۡعَ سَمَٰوَٰتٖ طِبَاقٗا ﴿١٥﴾ وَجَعَلَ ٱلۡقَمَرَ فِيهِنَّ نُورٗا وَجَعَلَ ٱلشَّمۡسَ

سِرَاجٗا ﴿١٦﴾

"Tidakkah kamu mengetahui dan memikirkan Bagaimana Allah telah menciptakan tujuh petala langit bertingkat-tingkat, Dan ia menjadikan padanya bulan sebagai cahaya serta menjadikan matahari sebagai lampu (yang terang-benderang)”

Andaikanlah bahawa di antara langit rendah dan langit kedua, di antara langit yang ketiga dan langit yang keempat, dan di antara langit yang kelima dan langit yang keenam, masih terdapat banyak lagi alam-alam yang mengembang yang semuanya terdiri dari jenis matahari (benda bercahaya dari diri sendiri) dan jenis bulan (benda yang mengambil cahaya dari yang lain) itu, maka ayat Al-Quran yang tersebut di atas masih belum rosak konsepnya.

Itulah tujuh lapisan alam yang digambarkan oleh tuhan dengan:

وَبَنَيۡنَا فَوۡقَكُمۡ سَبۡعٗا شِدَادٗا ﴿١٢﴾

dan Kami telah membina di atas kamu tujuh petala (langit) Yang kuat kukuh? (An-Naba: 12)
Bacalah lagi ayat Al-Quran surah Al-Mulk ayat 3-4 yang berbunyi:

[58] Dari Qishasul Anbiya alaihimussalatu wassalam oleh Syeikh Muhammad bin Abdullah Al-Kasaie radiallahuanhu ms 12

ٱلَّذِى خَلَقَ سَبۡعَ سَمَـٰوَٲتٍ طِبَاقًا‌ۖ مَّا تَرَىٰ فِى خَلۡقِ ٱلرَّحۡمَـٰنِ مِن تَفَـٰوُتٍ‌ۖ فَٱرۡجِعِ ٱلۡبَصَرَ هَلۡ تَرَىٰ مِن فُطُورٍ (٣) ثُمَّ ٱرۡجِعِ ٱلۡبَصَرَ كَرَّتَيۡنِ يَنقَلِبۡ إِلَيۡكَ ٱلۡبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ (٤)

Dia lah Yang telah mengaturkan kejadian tujuh petala langit Yang berlapis-lapis; Engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pemurah itu sebarang keadaan Yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika Engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandangan - (mu) - Dapatkah Engkau melihat sebarang kecacatan? kemudian ulangilah pandangan (mu) berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu Dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang ia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga Dengan sia-sia).

Rajah 8: Menunjukkan Sistem Tujuh Lapisan Langit dipandang dari luar dan seolah-olah zat mereka adalah transparensi sedangkan sebenarnya tidaklah demikian. Juga jarak di antara satu sama lain tidak sama dengan ukuran dalam rajah ini. Rajah ini hanya memberikan gambaran lebih kurang sahaja tentang susunan langit itu. Yang bertanda A ialah langit yang pertama dan begitulah seterusnya sampai kepada yang bertanda G ialah langit ketujuh.

6. Sidratul Muntaha

Selepas daripada langit yang ketujuh terdapat suatu tingkat alam yang agak ganjil bagi anda kalau terangkan, suatu tingkat alam ghaib, bukan alam syahadah, tetapi ia terdiri dari benda seperti alam syahadah juga. Cuma benda ini ghaib dari pancaindera, bukan pula alam gas (ايثر)

seperti yang biasa digambarkan dalam theosophy dan occultism. Tingkat alam yang akan dihuraikan ini adalah salah satu dari banyak keanehan ciptaan tuhan yang tiada dapat di analisa dengan akal.
Bahagian yang pertama dari alam ghaib ini ialah: Sidratul Muntaha. Umbinya terletak pada langit ketujuh, batangnya meninggi ke atas dan dahan-dahan bersama daunnya yang rendang menyentuh Kursi seperti yang akan dinyatakan. Perkataan Sidrat bererti pokok bidara dan perkataan Muntaha ertinya penghabisan. Jadinya, Sidratul Muntaha bererti Pokok Bidara Penghabisan. Maksudnya pokok bidara yang menjadi batas terakhir bagi perjalanan yang dapat dicapai oleh para makhluk dari bawah menuju ke atas dan juga yang turun dari atas menuju ke bawah, juga menjadi batas terakhir bagi alam mereka yang berada dalam dua kawasan itu. Tetapi ini bukanlah bererti bagi sekalian makhluk itu yang terdiri dari manusia dan malaikat, kerana manusia yang mencapai maqam yang lebih tinggi di sisi Allah dapat meningkat lebih tinggi lagi, juga malaikat yang lebih besar pangkat mereka itu yang mempunyai tugas-tugas yang lebih besar dapat melampaui Sidratul Muntaha itu menuju ke arah yang lebih tinggi.
Inilah Sidratul Muntaha yang digambarkan letaknya oleh Anas bin Malik ketika menceritakan riwayat Mikraj rasulullah sallallahu alaihi wasallam:

ثم صعد حتى أتي السماء السابعة... فاذا ابرهيم عليه السلام... ثم رفعت لي سدرة المنتهى فاذا نبقها مثل قلال هجر واذا ورقها مثل أذان الفيلة[59]

Ertinya: Kemudian ia (rasulullah) sampai ke langit yang ketujuh, tiba-tiba didapatinya Nabi Ibrahim alaihi salam. Kemudian ku di angkat ke Sidratul Muntaha, tiba-tiba kelihatan buahnya seperti tempayan dan daunnya seperti telinga gajah.

7. Baitul Makmur

Pada tengah Sidratul Muntaha iaitu di tengah di antara julainya terdapat suatu tempat yang dinamakan Baitul Makmur ertinya rumah yang limpah ruah. Maksudnya rumah yang sempurna. Ia bukanlah sebesar kaabah atau mahligai yang barangkali pernah terbentang dalam fikiran anda. Sebenarnya ia adalah sebuah alam berbentuk bangunan mahligai yang sesuai pula dengan radius pohon Sidratul Muntaha yang berupa suatu alam pohon yang jauh lebih besar daripadanya.

Sebagaimana Sidratul Muntaha adalah termasuk dalam alam ghaib, juga baitul makmur ini sebahagian dari alam ghaib itu. Ia merupakan pusat atau lebih tepat ‘kalbu’ yang terletak di atas. Daripadanya keluar perintah Allah kepada alam-alam di bawahnya. Sebab ini ia selalu disebut-sebut dalam riwayat Mikraj meskipun secara sepintas lalu. Anas bin Malik tadi menyebut mengenainya selepas menyebut mengenai Sidratul Muntaha.

ثم رفع لي البيت المعمور

Ertinya: kemudian aku di angkat kepada Baitul Makmur.

[59] Tafsir Ibnu Katsir Jilid 3, ms 8 dan Al-Bukhari Jilid 4 ms 114-115

8. Kursi
Di atas pucuk Sidratul Muntaha tersebut dapat pula suatu bahagian dari alam ghaib yang dinamakan Kursi berbentuk empat persegi yang mana langit ketujuh bersama segala alam di dalam perutnya merupakan sebuah alam kecil terletak dalam ruang angkasa Kursi empat persegi yang besar tetapi ghaib itu.

9. Arasy Ar-Rahman Yang Seperti Kaabah
Kursi itu merupakan alam kecil pula terletak dalam ruang angkasa suatu tingkat lagi alam ghaib tersebut yang dinamakan Arasy berbentuk empat persegi juga. Nama penuhnya Arasy Ar-Rahman[60]. Ia ditanggung oleh empat orang malaikat 'Hamlatul Arsy' ertinya penanggung Arasy. Bukanlah mereka menanggung di atas bahu sebagaimana yang harus terlintas dalam fikiran anda, yang dimaksudkan dengan menanggung itu ialah memikul kewajipan menjaga Arasy Ar-Rahman yang besar itu. Ini adalah Arasy wang pertama dari empat tingkat Arasy seperti yang akan dinyatakan nanti.

Arasy ini yang berbentuk seperti kaabah atau baitullah mempunya 360 tiang. Bila disebut mengenai tiang-tiang ini, akan segera tergambar dalam fikiran anda sevagai tiang-tiang yang berada di bawah satahnya yang empat persegi itu menuju turun ke arah Kursi dari empat penjuru. Sebenarnya gambaran ini salah, tiang-tiang Arasy Ar-Rahman itu adalah terletak pada segi yang paling bawah sebagai tiang rumah yang memanjang turun ke arah tapak mereka di al-Mustawa dalam bentuk terkeliling (Lihat rajah 9 dan 10).
Anda tentu akan merasa ganjil dengan keterangan ini tetapi begitulah yang terpaksa diterangkan kerana ada hubungan dengan fakta-fakta akan datang. Untuk keterangan seterusnya, biarlah penulis pinjam kata-kata Sayyidina Umar Jaafar Al-Syabrawi: عرض كل قائمة قدر عرض الدنيا سبعين ألف مرة Ertinya: lintang tiap-tiap tiang itu sama dengan lintang tujuh puluh ribu dunia.
Yang dimaksudkan dengan dunia itu nampaknya ialah planet bumi kita. Seterusnya ia menerangkan lagi:[61] وبين كل قائمة وقائمة ستون ألف صحراء, وفي كل صحراء ستون ألف عالم Ertinya: Dan di antara satu tiang dan tiang lain terdapat 60000 ruang angkasa, dan dalam tiap-tiap ruang angkasa terdapat 60000 alam[62].

[60] Kursi dan Arasy yang terbentuk empat persegi ini disebut oleh Muhyiddin bin Arabi dalam kitabnya 'Futuhatul Makiah' Jilid 3 ms 431 dan ms 432, juga ia ada membuat dua rajah yang menggambarkan Kursi dan Arasy yang berbentuk demikian pada ms 422-433.
[61] Sidi Umar Jaafar Al-Syabrawi. 'Syarah Ali Wirdu Sihr' ms 34. Nampaknya Syabrawi memetik fakta di atas dari sumber yang lain, ia menghubungkan pula fakta ini dengan Arasy Azhim dengan tujuan untuk menggambarkan betapa besarnya Arasy Azhim itu. Patut diingat bahawa para penulis dulu pada umumnya menerangkan Arasy itu hanya satu sahaja merupakan kulit yang membaluti seluruh alam ini, manakala namanya bermacam-macam-macam, Arasy Ar-Rahman, Arasy Majid, Arasy karim, Arasy azhim, Cuma berupa gelaran-gelaran sahaja yang diberikan kepada satu Arasy. Tetapi dalam buku ini kita akan terangkan nanti bahawa semua itu berlainan. Mungkin Syabrawi mengetahui perbezaan ini, barangkali ia menghubungkan fakta di atas dengan Arasy Azhim itu hanya untuk menyesuaikan ilmunya dengan ilmu yang telah lumrah dalam kalangan orang ramai di zamannya.
[62] Perkataan ruang angkasa di sini digunakan untuk terjemahan dari صحراء. Perkataan صحراء ini secara harfinya bererti padang pasir atau gurun. Tetapi di sini nampaknya ia memberikan pengertian suatu ruang yang dalamnya

Rajah 9: Arasy Ar-Rahman yang berbentuk empat persegi. Di dalamnya terdapat seluruh alam termasuk alam kita. Manakala di bawahnya terdapat tiang-tiang yang sangat indah dan tidak dilukiskan di sini kerana ditakuti terbatas. Bentuk empat segi dalam rajah ini pun hanya merupakan gambaran pada dasarnya sahaja, tidaklah seindah dengan yang sebenarnya. Pada empat penjuru bahagian bawahnya itulah berada empat malaikat penanggung Arasy-Ar-rahman ini dan sangat terkenal dalam kitab-kitab kuno itu. Tanda 'X' itu ialah tempat tinggalnya malaikat, salah satu dari tanda-tanda ini tiada kelihatan kerana penjuru itu terlindung.

---

terdapat alam-alam yang serupa dengan galaksi yang terdiri dari bintang-bintang dan planet yang tidak terkira banyaknya sebagai biji-biji pasir di padang pasir. Dipandang dari segi alam-alam yang memenuhi sesuatu ruang angkasa sebagai biji-biji pasir inilah agaknya maka ruang angkasa itu diistilahkan oleh ahli arifin dengan صحراء (padang pasir) sebagai mujaz. Tetapi terjemahan kita di atas dengan ruang angkasa hanya dipandang dari segi maksudnya sahaja, dapat juga diterjemahkan dengan kumpulan alam yang semuanya terdiri dari 60000 kumpulan dan tiap-tiap satu kumpulan terdiri dari 60000 alam.

Jadinya di antara satu tiang dan tiang yang lain terdapat 3.6 billion alam dan kalau dikalikan pula dengan 360 tiang bererti alam-alam itu seluruhnya berjumlah 1266 billion terletak di antara tiang-tiang yang teratur dalam bentuk berkeliling.

10. Jannat Di Bawah Arasy Ar-Rahman

Seluruh alam di bawah Arasy Ar-Rahman itu ialah Jannat ertinya syurga-syurga yang semuanya termasuk dalam alam ghaib tadi. Inilah kumpulan syurga yang pertama dari beberapa kumpulan syurga yang akan diterangkan bila sampai pada tempatnya akan datang. Kumpulan syurga ini terdiri dari tujuh tingkat:

a. Darul Jalal
b. Darussalam
c. Jannatul Ma'wa
d.Jannatul Khuld
e. Jannatun Naim
f. Jannatul Firdaus
g. Jannatul Adn

Tiap-tiap satu tingkat syurga ini terbahagi pula kepada kelas-kelas asasi yang banyak berupa alam-alam yang sangat jauh jaraknya antara satu sama alin beredar mengelilingi suatu pusat. Tiap-tiap kelas ini terbahagi pula kepada kelas-kelas ranting yang tidak begitu jauh perbezaan antara satu sama lainnya dan begitulah seterusnya terbahagi pula kepada kelas-kelas kecil yang berbeza-beza.

Tingkat-tingkat syurga itu pula bukanlah terletak tepat sebagai tingkat-tingkat bangunan, ia merupakan kumpulan alam bersama pusatnya yang terletak di bawah Arasy Ar-Rahman dalam keadaan betingkat-tingkat, yang paling rendah tingkatnya ialah Darul jalal dan yang paling tinggi ialah Jannatul Adn. Tetapi yang paling tinggi kelasnya pula bukanlah jannatul Adn yang berada pada tingkat yang ketujuh ini sebagaimana yang anda fikirkan, sebenarnya ialah Jannatul Firdaus yang berada pada tingkat keenam dan letaknya pula pada bahagian tengah dari tiang-tiang Arasy Ar-Rahman yang berkeliling di sekitarnya.

Itulah semuanya gambaran kasar seperti yang disarikan pula oleh rasulullah sallallahu alaihi wasallam dalam suatu hadis yang berbunyi demikian:

فان في الجنة مائة درجة ما بين كل درجتين كما بين الأرض والسماء والفردوس أعلاها درجة
ومنها تفجر أنهار الجنة الأربعة ومن فوقها يكون العرش فإذا سألتم الله فسلوه الفردوس[63]

[63] Hadis dari Ibadati ibnu Saamat dalam Jamik At-Tirmizi oleh At-Tirmizi Jilid 2 ms 76

Ertinya: maka bahawasanya dalam syurga terdapat 100 kelas, di antara tiap-tiap dua kelas adalah jaraknya seperti di antara langit dan bumi, dan Jannatul Firdaus adalah syurga yang paling tinggi (kelasnya) dan terletak paling tengah, di atas daripadanya ialah Arasy Ar-Rahman. Daripadanya (Jannatul Firdaus) memancar keluar sungai-sungai[64] syurga, maka apabila kamu memohon dari Allah, maka pohonlah Jannatul Firdaus.

11. Sidarul Muntaha Di Kanan Arasy Ar-Rahman

Anda harus akan terkejut bila dinyatakan bahawa selain daripada Sidratul Muntaha di bawah Kursi tadi, ada pula suatu Sidratul Muntaha yang lain. Apa yang biasa diterangkan kepada kita dalam riwayat-riawayat Mikraj rasulullah sallallahu alaihi wasallam bahawa hanya ada satu Sidratul Muntaha yang digambarkan dengan berbagai-bagai tempat letak, keadaan dan peristiwa di sekitarnya, semuanya samar-samar. Mengapa dan andaikanlah kiranya penulis tegaskan di sini bahawa Sidratul Muntaha yang kedua itu memang ada, terletak di luar daripada Arasy Ar-Rahman, iaitu pada arah sebelah kanannya. Inilah Sidratul Muntaha yang digambarkan letaknya sebagai berikut: وهي شجرة نبق عن يمين العرش[65] ertinya dan ia (Sidratul Muntaha) adalah suatu pokok bidara yang terletak di sebelah kanan Arasy.Umbinya terletak pada Al-Mustawa manakala dahan-dahan dan daun-daunnya yang rendang memuncak lebih tinggi daripada Arasy yang berbentuk empat persegi ini dan melindungi sedikit dari bahagiannya sebagaimana yang digambarkan oleh Kaab: انها سدرة في اصل العرش على روءوس حملة العرش[66] ertinya: bahawa ia (Sidratul Muntaha) ialah suatu pohon bidara yang terletak pada umbinya Arasy, (dedahan dan dedaunnya meliputi) di atas kepala-kepala penanggung Arasy.

Sidratul Muntaha ini digambarkan oleh suatu hadis dari Abi Said Al-Khudri radiallahuanhu sebagai berikut:

فدخلت البيت المعمور .... فصليت أنا ومن معي في البيت المعمور ثم خرجت أنا ومن معي، ....قال : ثم رفعت إلى سدرة المنتهى فإذا كل ورقة منها تكاد تغطي هذه الأمة وإذا فيها عين تجري يقال لها سلسبيل فينشق منها نهران (أحدهما) الكوثر (والاخر) يقال له نهر الرحمة فاغتسلت فيه فغفر لي ما تقدم من ذنبي وما تأخر,قال إني رفعت إلى الجنة[67]

[64] Perkataan sungai-sungai sebagai terjemahan dari perkataan 'anhar' di sini, bukanlah bererti sungai dari air yang membasahkan seperti yang kita faham di permukaan bumi ini, maksudnya ialah ruang angkasa atau 'spaces'. Ruang angkasa yang luas digelarkan 'bajar' ertinya laut-lautan. Manakala yang sempit digelarkan anhar ertinya sungai. Lihat kembali istilah bajar yang digunakan oleh Wahab bin Manbah pada ms 46. Sebabnya dikatakan ruang angkasa itu keluar dari Jannatul Firdaus, ialah memandang pada letaknya yang memusat di tengah-tengah dan menerusi ruang angkasa dapat kita merantau ke seluruh syurga yang terletak di sekelilingnya, di atas dan di bawahnya terus kepada syurga yang terbawah, Darul jalal.

[65] توضيح المرام ومسرح الاءفهام Oleh Syeikh Husain bin Habib bin Adam Jilid 1 ms 259

[66] Tafsir Bab Al-Takwil Fi Maanil Tanzil oleh Al-Khazan Jilid 4 ms 193

[67] Tafsir Ibn Katsir Jilid 3 ms 13

Ertinya: "Kemudian aku masuki Baitul Makmur…….. dan aku dan orang yang bersama denganku bersembahyang dalam Baitul Makmur itu, kemudian aku dan orang yang bersamaku keluar…….. (seterusnya) ia bersabda: kemudian aku diangkat kepada Sidratul Muntaha, tiba-tiba kelihatan tiap-tiap daunnya dapat menutupi umat ini, juga terdapat padanya suatu mata air yang mengalir digelarkan Salsabil daripadanya berpecah dua sungai, salah satunya Kautsar dan yang satu lagi dinamakan Sungai Ar-Rajmah kemudian aku mandi di dalamnya. Lalu diampuniku dosa-dosa yang telah lama dan yang akhir. Kemudian ku di angkat ke syurga," di atas tadi telah diterangkan mengenai adanya satu kumpulan syurga di bawah Arasy Ar-Rahman.

Dalam Al-Quran, Sidratul Muntaha ini digambarkan dengan firman tuhan dalam surah An-Najm, ayat 13-15:

وَلَقَدۡ رَءَاهُ نَزۡلَةً أُخۡرَىٰ ﴿١٣﴾ عِندَ سِدۡرَةِ ٱلۡمُنتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِندَهَا جَنَّةُ ٱلۡمَأۡوَىٰٓ ﴿١٥﴾

Ertinya: dan Demi sesungguhnya! (Nabi Muhammad) telah melihat (malaikat Jibril, Dalam bentuk rupanya Yang asal) sekali lagi,[68] di sisi "Sidratul-Muntaha"; Yang di sisiNya terletak syurga "Jannatul-Makwa".

12. Al-Mustawa dan Lauh Mahfuz

Arasy Ar-Rahman dan Sidratul Muntaha yang kedua di samping yang kedua-duanya termasuk dalam alam ghaib, sebagai suatu keseluruhan merupakan suatu alam kecil terletak dalam ruang angkasa suatu bulatan alam syahadah pula, bulatan ini dinamakan Al-Mustawa (Lihat Rajah 10).

Pada sekeliling bahagian permukaan Al-Mustawa ini terdapat Lauh mahfuz ertinya Lauh Yang Terpelihara (dari syaitan-syaitan) bersama dengan Al-Aklam ertinya kalam-kalam yang sedang menulis tentang apa yang akan terjadi pada semua makhluk di bawahnya dengan kemahuan Allah subhanahu wa taala. Inilah alat-alat yang disebut oleh rasulullah sallallahu alaihi wasallam:

ثم عرج بي حتى ظهرت لمستوي أسمع صريف الاءقلام[69]

Ertinya: 'Kemudian aku di angkat ke atas hingga kelihatan Al-Mustawa yang ku kedengaran suara-suara kalam-kalam (menulis)"

Kedua-dua Lauh mahfuz dan kalam-kalam ini adalah termasuk dalam alam syahadah seperti Al-Mustawa juga.

Selepas dari ini seterusnya ke atas, semua alam yang akan digambarkan sampai kepada Kursi Al-Izham adalah termasuk dalam alam syahadah.

13. Sab'a Aradhin

Selepas Al-Mustawa, datanglah suatu peringkat yang akan mengejutkan anda tetapi jangan terburu-buru, cubalah turuti keterangan kita sampai akhirnya dengan teliti dan sabar.

---

[68] Maksudnya melihat Jibrail dalam rupa asalnya. Kali yang pertama rasulullah sallallahu alaihi wasallam melihatnya di Al-Baqi'

[69] Al-Bukhari Jilid 4 ms 141-142

Peringkat ini bagaimana konsep bumi itu berubah lagi iaitu peringkat yang dinamakan bumi rendah.

Rajah 10: Yang bertanda A ialah bulatan langit yang ketujuh dengan segala lapisan di dalam perutnya (dari alam syahadah). Yang bertanda B ialah Kursi, yang bertanda C ialah Arasy Ar-Rahman (kedua-duanya alam ghaib). Yang bertanda D ialah Al-Mustawa (dari alam syahadah) Jarak antara satu sama lain tidaklah sama dengan ukuran di dalam rajah ini yang hanya mengemukakan letak yang lebih kurang sahaja.